



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.58 SUBUH 5.08 SYURUK 6.25 DUHA 6.47 ZUHUR 12.29 ASAR 3.38 MAGHRIB 6.31 ISYAK 7.40 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 34

18 MAC 2024 / 1445 7 رمضان

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

مانیسش ایمان

"WAHAI orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Baqarah, ayat 183.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallah Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Tität Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masih di Istana Nurul Iman.

Program Brunei Peduli Palestin 3.0 dilancarkan

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Sabtu, 16 Mac. - Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta Belia Masjid Senegara pagi tadi menganjurkan Program Brunei Peduli Palestin 3.0 selama dua hari bermula hari ini hingga Ahad, 17 Mac bertempat di Dewan Mahkota, Times Hotel, Berakas.

Program amal ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai situasi terkini saudara Islam di Palestin dan diselajurkan dengan mengumpul dana untuk disalurkan ke Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Program Brunei Peduli Palestin 3.0 ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

>> Muka 13

MAJLISIFTAR ERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet semasa hadir pada Majlis Iftar (Berbuka Puasa) dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Polo and Country Club.
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman (Lihat Muka 3).

Munajat Ramadan diserikan dengan Tadabbur Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Bulan Ramadan merupakan bulan untuk kita meningkatkan amal ibadah kerana pada bulan Ramadan ini menjanjikan pelbagai ganjaran, antaranya Allah Subhanahu Wata'ala janjikan dalam bulan Ramadan ialah keampunan, kerahmatan dan dimakbulkan doa.

Dalam meraih ganjaran bersempena umat Islam berada pada bulan Ramadan yang mulia ini, Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU) mengadakan Munajat Ramadan melalui dalam talian untuk kali Ke-129.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amiro Hafidzin bin Haji Muhammad.

>> Muka 3

Usaha berikan keutamaan dalam mendukung tema

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Pihak Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperuntukkan Anggaran Perbelanjaan

Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 berjumlah BND345,953,286.



Daripada jumlah peruntukan di bawah Tajuk Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan, sejumlah BND119,666,190 untuk gaji kakitangan; BND102,466,740 untuk perbelanjaan berulang-ulang dan BND123,820,356 bagi projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN Ke-12) bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025.

>> Muka 7



Berita Utama



MAJLIS Tadarus terus semarakkan Ramadan

Muka 14



KONGSI pengalaman dalam pengurusan litigasi komersial, korporat

Muka 15



BERKONGSI kegembiraan dengan golongan memerlukan

Muka 19



PERNIAGAAN lilin wangian, sumber pendapatan tambahan

Muka 29

MSME penting memacu pertumbuhan ekonomi negara

Bismillaah Hirrahmaanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

PUJI dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita berkumpul di sini pagi ini di Majlis Perasmian Festival Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) Brunei 2024. Saya gembira dapat bersama-sama komuniti peniaga, rakan strategik dan pihak berkepentingan DARe untuk acara penting ini.

Pertama, saya dengan ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada DARe kerana mengungkayahkan Festival MSME Brunei untuk kali Ke-4. Acara ini mendatangkan lebih banyak manfaat kepada MSME yang bukan hanya sekadar memamerkan produk dan perkhidmatan mereka. Ia juga berfungsi sebagai platform yang hebat untuk membina peluang perniagaan yang lebih besar, berhubung dengan pelanggan, berinteraksi dengan bakal rakan kongsi baharu dan meluaskan jangkauan pasaran bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

MSME memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan memupuk daya tahan dalam ekonomi negara. Seperti yang dilaporkan dalam Annual Census Enterprise (ACE) 2023, MSME membentuk 97.6 peratus daripada perusahaan aktif di Negara Brunei Darussalam (NBD); dengan jumlah pekerjaan MSME sebanyak 32.0 peratus daripada jumlah pekerja di Brunei. Sumbangan mereka melangkaui perdagangan semata-mata, berfungsi sebagai enjin penciptaan pekerjaan

dan inovasi. Pada tahun 2020, MSME juga telah memberi sumbangan besar kepada keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dianggarkan pada 31.2 peratus. Hari ini, kita mengakui peranan penting yang dipegang oleh MSME dalam landskap ekonomi negara. Kebolehsuaian dan kepintaran mereka adalah komponen penting dalam struktur ekonomi negara kita.

Mengimbas kembali Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dua hari lalu, baginda menekankan kepentingan untuk meneroka peluang secara proaktif dalam mempelbagaikan sektor lain selain daripada minyak dan gas, menunjukkan bahawa bergantung semata-mata pada sektor minyak dan gas adalah terhad. Walaupun kepelbagaian ekonomi menawarkan peluang pertumbuhan, MSME memainkan peranan penting dan memerlukan penglibatan aktif dalam peralihan ini.

Pada penghujung tahun 2023, Bahagian Ekosistem Industri dan Perniagaan (IBE) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengumumkan definisi kebangsaan baharu bagi Kategori Perniagaan di NBD. Definisi baharu yang diseragamkan itu ialah MSME, Sektor Tidak Formal, Start-Ups, Perusahaan milik Belia dan Perniagaan Milik Wanita. Dengan definisi kebangsaan baharu ini, kita akan mencapai penyeragaman definisi pada peringkat kebangsaan. Ini akan memastikan data yang tepat dan seragam digunakan untuk membuat keputusan dalam perancangan dan pelaksanaan dasar ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Selaras dengan tema acara 'Berani untuk Bertransformasi : Membina MSME yang Berdaya Tahan', NBD komited untuk mencapai Agenda 2030 untuk Matlamat Pembangunan Lestari, selaras dengan Wawasan negara kita, Wawasan Brunei 2035. Menurut Voluntary National Review 2023 (VNR 2023) untuk NBD, negara mencatatkan kemajuan yang baik dalam Matlamat 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik); Matlamat 4 (Pendidikan Berkualiti); Matlamat 6 (Air Bersih dan Sanitasi); Matlamat 7 (Tenaga Mampu Milik dan Bersih); Matlamat 8 (Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi); Matlamat 14 (Kehidupan Di Bawah Air); dan Matlamat 15 (Kehidupan di Darat). Walaupun kita telah mencapai kemajuan yang membanggakan, namun cabaran kekal, terutamanya dalam bidang seperti penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menangani cabaran ini secara sistematis, memanfaatkan inovasi dan kerjasama untuk memacu MSME ke arah pertumbuhan dan kemakmuran yang mampan.

Oleh itu, adalah tepat pada masanya untuk MSME kita, yang merupakan bahagian penting dalam landskap ekonomi kita, untuk menerima kemampunan sebagai asas operasi mereka dan berinovasi dengan amalan mementingkan alam sekitar untuk memacu pertumbuhan perniagaan dan meningkatkan produktiviti, pada masa yang sama menyumbang kepada kemakmuran ekonomi. Ini antara lain, termasuklah melaksanakan teknologi dan amalan penjimat tenaga dan penjimat air untuk mengurangkan penggunaan, menggunakan pakai strategi untuk meminimumkan penjanaan sisir,



TIMBALAN Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Timbalan Pengurus Bersama BEDB dan DARe berucap semasa Perasmian Festival MSME Brunei 2024 (Brunei MSME Festival 2024) pada Khamis, 29 Februari 2024.

Terjemahan oleh :
Awang Haji Mirazman Haji Othman

menerima pakai pembayaran tanpa tunai dan bekerjasama dengan pembekal yang mengikut amalan mampan dan beretika. Bukan sahaja strategi dan amalan ini mengurangkan jejak alam sekitar, tetapi ia juga boleh membawa kepada penjimat kos yang besar, memupuk inovasi dan kecekapan sumber, serta membuka peluang pasaran baharu dan membina kepercayaan dengan pengguna dan pihak berkepentingan.

>> Muka 13

WAKTU SEMBAHYANG

18 MAC 2024

Mac	MASIH	HARI	Ramadan	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	ISNIN	7	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.38	6.31	7.40	
19	SELASA	8	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40	
20	RABU	9	4.57	5.07	6.24	6.47	12.29	3.36	6.31	7.40	
21	KHAMIS	10	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.36	6.31	7.40	
22	JUMAAT	11	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40	
23	SABTU	12	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.34	6.31	7.40	
24	AHAD	13	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C
Pekan Bangar		
32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C
Pekan Tutong		
32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C
Kuala Belait		
32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

Hindari pembaziran di bulan Ramadan

ALHAMDULILLAH, seminggu sudah kita menjalani ibadah puasa. Marilah kita manjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberikan kesempatan sekali lagi bertemu dengan bulan Ramadan yang mulia ini.

Ramadan yang penuh keberkatan dan rahmat ini mengajar kita erti kesabaran dan ia bukan sahaja semata-mata untuk menahan diri daripada lapar dan dahaga, tetapi Ramadan adalah sebuah bulan diwajibkan untuk menahan diri dari melakukan segala perkara buruk dan mengawal emosi dari perkara yang tercela dan terkeji.

Selain itu, bulan ini juga adalah satu peluang untuk umat Islam bermuhasabah diri dan melakukan refleksi diri dengan merenung kembali setiap amalan dan perkara yang telah dilakukan sepanjang kehidupan.

Sudah setentunya, sepanjang bulan ini sememangnya pelbagai juadah yang disajikan dan dijual di mana-mana. Kita sebagai umat Islam yang berakal agar tidak menjadikan bulan Ramadan ini sebagai bulan musim 'berpesta' makanan sehingga berlaku pembaziran, sepanjang tempoh menjalani ibadat puasa pada bulan suci ini.

Ramadan dikatakan sebagai bulan di mana kita mengekang hawa nafsu dalam semua hal tetapi di bulan inilah berlakunya pembaziran dan sikap berlebih-lebihan seperti menjadi kebiasaan.

Sepatutnya Ramadan mendidik kita untuk bersikap sederhana, jimat cermat dan tidak melampaui batas tetapi sebaliknya berlaku apabila tiba bulan yang penuh kerahmatan ini.

Islam melarang kita untuk melakukan pembaziran apatah lagi dalam bab rezeki makanan. Berbelanja dengan berhemah dan elakkan pembaziran yang berlebih-lebihan.

Namun jika mahu membeli makanan untuk berbuka puasa, ikut keperluan saja dan jangan sampai membazir.

Hal mengenai pembaziran ini sangat ditekankan dalam Islam, seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 27 yang bermaksud : "Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada tuhannya".

Oleh itu, marilah kita bermuhasabah diri di bulan yang mulia ini dengan melakukan amal ibadah dan merebut peluang pahala serta ganjaran besar.

Elakkan pembaziran dalam semua perkara, banyakkan bersedekah bukan sahaja pada bulan ini namun pada bulan-bulan yang lain juga agar rezeki kita sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Jangan sia-siakan pahala puasa kita dengan melakukan pembaziran. - Ketua Penyuntingan (Kr)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان ڈجیٹک اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا برمنی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Majlis Iftar eratkan hubungan silaturahim



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Jabatan Urusan Haji, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali (atas). Sementara gambar bawah, Menteri-menteri Kabinet semasa bergambar ramai pada Majlis Iftar (Berbuka Puasa) dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Polo and Country Club. Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk Nur Hafilah Pg Osman

JERUDONG, Sabtu, 16 Mac. - Bagi meriah keberkatan dan seterusnya mengeratkan silaturahim di bulan suci Ramadan, Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Iftar (Berbuka Puasa) yang berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Polo and Country Club, di sini.

Majlis Berbuka Puasa tersebut dihoskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraitin.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Juga hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerman Jaya Haji Mohd. Yusof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Duta-duta Besar, pegawai-pegawai kanan kerajaan NBD dan jemputan-jemputan khas.

Majlis diadakan dengan menuanakaan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Jabatan Urusan Haji, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, sebelum menikmati jamuan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan ramah mesra bersama jemputan yang hadir.



MUNAJAT RAMADAN DISERIKAN DENGAN TADABBUR AL-QURAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Munajat Ramadan turut disemarakkan dengan kehadiran Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir sama bagi sama-sama mengimarahkan Munajat Ramadan ialah warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya dan warga kerja Pejabat Daerah Belait, Jabatan Daerah Belait.

Turut menyertai, para penghulu mukim dan ketua-kampung di Daerah Belait. Juga mengimarahkan, Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, yang hadir secara fizikal mahupun dalam talian dari 50 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha, diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh mahasiswa Tahun 2, Fakulti Usuluddin Tahfiz dan Qiraat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

(UNISSA), Awang Muhammad Nur Nasrullah bin Abdullah Abdul Razak. Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pejabat Ugama Daerah Belait, KHEU, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail.

Acara diserikan dengan Tadabbur Al-Quran Surah Ar-Ra'd, ayat 26-29 disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, KHEU, Awang Abdul Khaliq bin Kamree.

Inti pati Tadabbur Al-Quran Surah Ar-Ra'd, ayat 26-29 antara lain menghuraikan bahawa, "Allah Maha Pemberi rezeki dan Dia Maha Berkusa melapangkan dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; Kesenangan orang-orang yang menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia hanyalah sementara berbanding dengan nikmat kekal yang dikurniakan kepada orang-orang beriman di akhirat kelak.

"Dan orang-orang yang bertaubat adalah orang-orang beriman yang hati mereka tenteram kerana mengingat Allah Subhanahu Wata'ala; serta mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap masa dan keadaan serta melaksanakan kewajipan sebagai umat Islam yang taat adalah satu tuntutan yang bukan hanya menjamin kebahagiaan dunia ini

bahkan juga ukhrawi".

Acara diteruskan dengan bacaan Asma Al Husna beramai-ramai oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Belait. Bagi memberkati acara Munajat Ramadan, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Imam Tingkat III, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith.

Munajat Ramadan anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan ibadah pada bulan Ramadhan ini serta meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca Surah Yaa Siin dan ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara

Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Semoga dengan amalan ibadah pada bulan Ramadhan ini, kehidupan kita dan Negara Brunei Darussalam diberkati. Penyertaan bagi Munajat Ramadan dibukakan kepada orang ramai dan dapat diikuti secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Munajat Ramadan melalui dalam talian untuk kali Ke-129.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PEMBINAAN PRASARANA INCINERATOR SYSTEM WTE BAGI PELUPUSAN SISA BUANGAN

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 16 Mac. - Sisa buangan setiap hari di negara ini adalah di antara 500 ke 600 Ton sehari. Data yang direkodkan menunjukkan sisa buangan bagi seorang ialah 1.21 kilogram sehari.

Sejak berpuluhan tahun sisa buangan ini dilupuskan di dalam tanah (*landfill*) yang pada masa ini terletak di Sungai Paku Daerah Tutong.

Tanah *landfill* ini berkeluasan 104 hektar dan disasarkan hanya dapat menanggung sisa buangan sehingga tahun 2030. Makanya satu kawasan dengan keluasan 100 hektar lagi perlu disediakan bagi menyediakan prasarana *landfill* yang baharu.

Sebagai satu usaha alternatif, Kementerian Pembangunan mengambil tekad untuk menghentikan penggunaan *landfill* ini dan sedang mengikhtiaran bagi

pembinaan prasarana Incinerator System Waste-To-Energy bagi pelupusan sisa buangan.

Perkara itu dikongsikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menyampaikan mukadimahnya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-13, pagi tadi.

Untuk tujuan ini, Yang Berhormat Menteri seterusnya menjelaskan 'Expression of Interest' telah dikeluarkan pada tahun 2021 bagi pembinaan loji waste incinerator.

'Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah melantik konsultan bagi menggubal dokumen 'Request for Proposal' yang akan dikeluarkan bagi pelabur-pelabur yang berminat

dan layak untuk ikut serta.

"InsyaAllah, penyediaan dokumen Request for Proposal bagi mereka bentuk, membina, memiliki, mengendalikan dan memindahkan (Design, Build, Own, Operate and Transfer DBOOT) loji yang berkoncepkan teknologi Waste-To-Energy (WtE) dijangka akan siap dan dibukakan pada suku akhir tahun ini. Jika terdapat pelabur yang berjaya nanti, insyaAllah, loji WtE ini disasarkan untuk dapat memulakan operasi pada tahun 2029," tambah Yang Berhormat lagi.

Kos bagi pembangunan loji WtE setentunya dijangka dalam jumlah yang amat tinggi, oleh itu Yang Berhormat Menteri Pembangunan menerangkan bahawa pihak Kementerian Pembangunan akan bekerjasama dengan agensi kerajaan lain terutama sekali

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri untuk merangka kaedah model perniagaan yang sesuai dengan objektif kos efektif dan mampan sesuai dengan keperluan negara.

Bagi perbelanjaan tahun kewangan 2023/2024, Yang Berhormat Menteri kemudiannya menjelaskan antara tindakan pengurusan alam sekitar, taman dan rekreasi adalah Perlaksanaan Projek Pembersihan Sungai Brunei yang bermula sejak 16 April 2023 selama tiga tahun dengan penyediaan peralatan seperti Workboat sebanyak empat buah; Scavenger Boat sebanyak empat buah; Small Trash Skimmer



sebanyak satu buah; Large Trash Skimmer sebanyak dua buah; dan Waste Barge with Conveyer Belt sebanyak satu buah.

Sehingga bulan Disember 2023, jumlah sisa yang telah dikutip dari sungai Brunei ialah sebanyak 22,849.45 tan metrik, ujar Yang Berhormat Menteri lagi.

Kerjasama strategik ke arah pembangunan Daerah Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 16 Mac. - Pelan Pembangunan Daerah Temburong 2005-2025 telah siap disediakan untuk menggalakkan sebarang pembangunan di Daerah Temburong dengan terbinanya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Pelan ini diselaraskan oleh

Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan mengandungi polisi perancangan guna tanah strategik serta strategi kemajuan dalam menghalau tuju kemajuan di Daerah Temburong bagi tempoh 2005-2025.

Visi Utama adalah untuk menjadikan Daerah Temburong sebagai daerah yang dapat

membuka peluang kemajuan melalui khazanah daerah semula jadi (A district of Natural Opportunities).

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menyampaikan mukadimahnya

pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-13, pagi tadi.

Dalam mendukung visi tersebut, Yang Berhormat Menteri menjelaskan, strategi utama perancangan guna tanah adalah untuk menjana pembangunan yang seimbang yang dapat membuka peluang pekerjaan dan perkembangan ekonomi yang dikenal pasti.

"Di samping itu, rancangan ini turut bertujuan untuk meningkatkan tahap integrasi fizikal dan ekonomi yang tinggi sama dengan daerah-daerah yang lain, serta dalam waktu yang sama mengekalkan nilai-nilai identiti daerah sebagai 'The Green Jewel of Brunei'.

"Ke arah ini, sebanyak 33 projek utama telah dirancang bagi Daerah Temburong, yang merangkumi sektor perumahan, perusahaan, pertanian, perikanan, rekreasi, pelancongan, pengangkutan, infrastruktur dan utiliti, kemudahan masyarakat dan sebagainya," ujar Yang Berhormat Menteri lagi.

Dari 33 projek tersebut, Yang Berhormat mengongsikan sebanyak tujuh projek telah siap dilaksanakan, antaranya ialah Pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifudien; Pembinaan Bangar Waterfront; Perumahan Negara Kampung Rataie; Kemudahan Rekreasi Air di Ulu

Temburong; Tapak Perikanan di Kampung Rataie; Membesarkan Kawasan Perlindungan Hutan di bawah Jabatan Perhutanan seperti Bukit Patoi; dan Pembinaan Jambatan di Kawasan Kampung Ujong Jalan.

Di samping itu, terang Yang Berhormat lagi, tujuh projek pula sedang dalam pelaksanaan iaitu Menaiktaraf Jalan Raya Ke Batang Duri; Sumber Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy Sources); Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Pusat Aktiviti Keugamaan (Religious Activities Centre) di Kampung Senukoh; Kemudahan Tempat Tinggal dan Fasiliti di Batang Duri; Pembinaan Jeti Batang Duri; dan Perancangan Kem di bawah Kementerian Pertahanan.

Manakala, 19 projek lain, jelas Yang Berhormat, masih dalam perancangan bagi pelaksanaan dalam pelbagai bidang yang menjurus kepada hasrat Pelan Pembangunan Daerah Temburong.

"Kementerian Pembangunan akan terus berkolaborasi dengan serta agensi-agensi yang lainnya serta penduduk di Daerah Temburong secara amnya dalam sama-sama memastikan kemajuan di Daerah Temburong akan dapat diselaras dan dilaksanakan secara lebih strategik dan teratur demi membangun Daerah Temburong selaras dengan daerah-daerah lain," tegas Yang Berhormat Menteri lagi.

DARI 33 projek tersebut, Yang Berhormat mengongsikan sebanyak tujuh projek telah siap dilaksanakan, antaranya ialah Pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifudien; Pembinaan Bangar Waterfront; Perumahan Negara Kampung Rataie; Kemudahan Rekreasi Air di Ulu Temburong; Tapak Perikanan di Kampung Rataie; Membesarkan Kawasan Perlindungan Hutan di bawah Jabatan Perhutanan seperti Bukit Patoi; dan Pembinaan Jambatan di Kawasan Kampung Ujong Jalan.

Di samping itu, terang Yang Berhormat lagi, tujuh projek pula sedang dalam pelaksanaan iaitu Menaiktaraf Jalan Raya Ke Batang Duri; Sumber Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy Sources); Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Pusat Aktiviti Keugamaan (Religious Activities Centre) di Kampung Senukoh; Kemudahan Tempat Tinggal dan Fasiliti di Batang Duri; Pembinaan Jeti Batang Duri; dan Perancangan Kem di bawah Kementerian Pertahanan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PASTIKAN PERANCANGAN, PENGGUNAAN BAKI CUTI TERATUR

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 16 Mac. - Merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/2010 mengenai Peraturan Cuti Tahunan (Pindaan), warga perkhidmatan awam adalah diberikan faedah-faedah perkhidmatan cuti tahunan bergaji penuh mengikut bahagian dan umur.



Dalam tempoh pengambilan kelayakan cuti tersebut, gaji pegawai dan kakitangan adalah dibayar penuh.

Dalam surat keliling yang sama ada juga digariskan kadar maksima baki cuti yang terkumpul pada bila-bila masa bagi semua pegawai dalam bahagian I hingga V adalah sebanyak 108 hari.

Oleh itu, baki cuti melebihi 108 hari yang tidak diambil akan hilang atau luput. Selari dengan dasar baki cuti ini, pegawai dan kakitangan terutama sekali yang akan bersara adalah disarankan untuk membuat perancangan cuti terlebih awal untuk memastikan kesemua baki kelayakan cuti dapat diambil sebelum tarikh bersara.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman.

II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menjawab persoalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman mengenai Baki Hak Cuti Tahunan yang Luput pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang bagi hari ke-13, pagi tadi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan Ketua-ketua jabatan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan warga perkhidmatan awam diberikan peluang untuk mengambil cuti tahunan.

"Ini adalah juga selari dengan dasar cuti tahunan pada masa ini, di mana pegawai-pegawai dalam Bahagian I, II dan III adalah dimestikan mengambil Cuti Mandatori selama 14 hari bagi setiap 12 bulan kalender yang boleh diambil pada bila-bila masa

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

secara berterusan di sepanjang tempoh 12 bulan kelayakan.

"Dengan adanya kaedah pengambilan Cuti Mandatori tersebut membantu perancangan dan penggunaan baki kelayakan cuti pegawai dan kakitangan dengan lebih teratur.

"Pada masa yang sama juga terdapat juga kemudahan di mana pegawai-pegawai kerajaan di Bahagian I yang belum sempat menghabiskan cuti sebelum bersara dan dikehendaki berkhidmat semula dengan Kerajaan, baki cuti yang belum digunakan akan diganti dengan bayaran wang," terang Yang Berhormat lagi.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memberikan insentif yang bersesuaian



bagi menggantikan cuti-cutি yang hangus, Yang Berhormat seterusnya menerangkan perkara ini akan diteliti memandangkan lagi kesesuaianya terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira seperti impaknya kepada peruntukan kerajaan dan juga kawalan penggantian yang mampan supaya nanti ia tidak akan mengakibatkan sebarang potensi ia disalahgunakan.

Komitited memastikan persekitaran selamat, menjamin kesejahteraan masyarakat



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

penyelenggaraan yang berterusan bagi memperbaiki lampu-lampu jalan raya yang tidak lagi berfungsi termasuk lampu jalan raya yang rosak akibat kemalangan jalan raya.

"Ini akan ditangani melalui kontrak pemeliharaan lampu awam bagi menangani aduan-aduan yang diterima dan dengan membuat pemantauan secara berterusan bagi memastikan syarikat yang dilantik melaksanakan kerja pembaikan dengan lengkap dan tepat pada masanya," ujar Yang Berhormat Menteri lagi.

Di samping itu, Yang Berhormat seterusnya mengongsikan dengan mendukung usaha kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan di sektor kerajaan dan menggalakkan penjimat tenaga, pihak kerajaan telah mengambil langkah bagi pemasangan lampu jimat tenaga (*energy efficient*) dan juga menghidupkan lampu jalan secara berselang-seli tanpa menjelaskan keselamatan pengguna jalan raya.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik memandang serius akan aspek keselamatan dalam memastikan kawasan-kawasan strategik tidaklah terjejas seperti simpang-simpang utama, selektor tajam,

simpang masjid, simpang sekolah, *flyover*, *roundabout* dan mana-mana yang boleh menjelaskan keselamatan pengguna jalan raya, tegas Yang Berhormat Menteri.

"Usaha ini telah melibatkan penutupan sebanyak 13,288 unit lampu di seluruh negara sejak tahun 2015 dan menjimatkan sebanyak purata BND3.6 juta," tambah Yang Berhormat Menteri lagi.

Mengenai tiang-tiang lampu elektrik di Kampong Ayer yang rosak, Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Elektrik turut memperuntukkan kerja-kerja penggantian tiang-tiang elektrik di Kampong Ayer di bawah Projek Pengukuhan Sistem Rangkaian Seluruh Kampong Ayer Secara Berfasa di bawah RKN-12 yang disasarkan siap dilaksanakan pada tahun 2027.

"Walau bagaimanapun bagi mana-mana tiang yang tumbang atau rosak dan boleh mempengaruhi keselamatan sistem dan juga kepada orang ramai, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan memberi keutamaan bagi tindakan pembaikan."

Di samping itu, kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) akan

dingkatkan bagi mana-mana tiang lampu di kawasan Kampong Ayer yang boleh menjelaskan keselamatan, insyaAllah.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik terus memantau kerja-kerja penyelenggaraan dan pengendalian projek-projek berkenaan dengan kerjasama rapat dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dari segi keselamatan dan keberkesanan bekalan sistem tenaga elektrik negara," terang Yang Berhormat Menteri.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat Menteri menjelaskan pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga merakamkan ribuan terima kasih kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di keempat-empat daerah yang secara berterusan mengongsikan apa jua *feedback* melalui WhatsApp Group bersama Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan memudahkan lagi pihak jabatan menangani masalah-masalah berkaitan dengan elektrik dan terus mengalui-alukan kerjasama untuk diteruskan di tahap akar umbi bagi memaklumkan apa jua jurang dan penambahbaikan yang perlu dibuat.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 16 Mac. - Projek pemasangan lampu-lampu jalan merupakan inisiatif penting bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam memastikan persekitaran yang selamat bagi penduduk-penduduk daerah dan mukim demi menjamin kesejahteraan semua lapisan masyarakat kampung.

Tempoh penggantian tiang-tiang lampu yang rosak adalah tertakluk kepada proses peralihan yang mengambil masa.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PROSES MEMPERCEPATKAN PENGAMBILAN PEGAWAI DI SEKTOR AWAM



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan
Perdana Menteri dan Menteri
Kewangan dan Ekonomi II.**

pegawai di sektor awam, pengambilan pegawai Bahagian 2 ke atas bolehlah ditadbir oleh kementerian masing-masing, tidak perlu melalui proses SPA dan sebagainya, mulai 1 April 2024.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-13

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 16 Mac. - Dalam usaha
untuk mempercepat pengambilan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Aw

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

pagi tadi.

"Jadi kalau kitani lihat sejarah beberapa tahun kebelakangan ini, pengambilan setiap tahun lebih kurang seribu atau seribu lebih. Mengambil kira kekosongan itu melebihi seribu, jadi memang akan mengambil masa untuk mengisikan semua kekosongan.

"Ini mungkin akan mencepatkan proses pengambilan Pegawai Bahagian 2 ke atas, jadi bagi SPA bolehlah mereka memfokuskan kepada jawatan ke bawah yang rendah sepenuh masa," tambah Yang Berhormat Menteri lagi.



ANTARA yang hadir pada sidang berkenaan

Gangguan seksual di tempat kerja dipandang serius



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam (kiri). Manakala gambar bawah, suasana pada persidangan berkenaan.

Kebajikan 141, yang merupakan platform rasmi yang disediakan oleh kerajaan untuk memudahkan aduan orang ramai, pertanyaan dan bantuan kepada isu-isu kebajikan dan sosial.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 16 Mac. - Satu talian khas
telah pun disediakan iaitu Talian

Maklumat-maklumat pengadu dan maklumat-maklumat yang diberikan adalah terlindung dari

**YANG Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan**



segi kerahsiaannya, manakala, penjawab-penjawab talian ini adalah mereka yang sudah terlatih dan *qualified*.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa menjawab persoalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam mengenai Isu Gangguan Seksual Di tempat Kerja pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-13, pagi tadi.

Menteri menjelaskan pihak kerajaan sememangnya memandang serius perkara ini (gangguan seksual), tidak kiranya ada ia terjadi di sektor perkhidmatan awam malahan juga di sektor swasta.

"Dari sudut yang lain, terdapat juga kemungkinan mangsa-mangsa gangguan ini berfikiran apabila ia melapor ia tidak akan dipercayai. Bagi perkara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mempersiapkan

lagi pembarigaan bagi meningkatkan kefahaman mengenai undang-undang yang sedia ada, yang mana mangsa-mangsa seperti ini adalah terlindung daripada segi undang-undang," ujar Yang Berhormat lagi.



“DARI sudut yang lain, terdapat juga kemungkinan mangsa-mangsa gangguan ini berfikiran apabila ia melapor ia tidak akan dipercayai. Bagi perkara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mempergiatkan lagi pembarigaan bagi meningkatkan kefahaman mengenai undang-undang yang sedia ada, yang mana mangsa-mangsa seperti ini adalah terlindung daripada segi undang-undang,” ujar Yang Berhormat Iaqi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



USAHA BERIKAN KEUTAMAAN DALAM MENDUKUNG TEMA BELANJAWAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayyatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

>> Muka 1

Perkara itu dikongsikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Pada musim permesyuaratan MMN tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah pun mengongsikan mengenai dengan keutamaan-keutamaan kementerian, sama juga dengan keutamaan pada tahun ini, termasuklah pengenalan beberapa pendekatan baharu dengan menekankan kepada

good governance (tadbir urus yang baik) dan *compliance* (pematuhan) dalam pengurusan aset dan projek serta dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Tambah Yang Berhormat, usaha-usaha ini akan terus diberikan keutamaan selaras dalam mendukung tema belanjawan Tahun Kewangan 2024 / 2025 iaitu ‘Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur’.

Secara ringkas, Yang Berhormat ingin mengongsikan pencapaian Kementerian Pembangunan di bawah Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan pada Tahun Kewangan 2023 / 2024 sehingga bulan Disember 2023 seperti berikut iaitu Kementerian Pembangunan telah dapat meningkatkan kutipan hasil bagi suku tahun ketiga Tahun Kewangan 2023 / 2024 sebanyak BND54,199,357.59 ini adalah satu peningkatan jika dibandingkan dengan kutipan hasil pada suku tahun ketiga sebelumnya iaitu sebanyak BND54,077,394.06 (iaitu kenaikan sebanyak BND121,963.53).

Sementara itu, melalui Debt Recovery Unit di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan yang ditubuhkan pada bulan Julai 2022 dan Jawatankuasa Khas bagi Menangani Masalah Tuggakan dan Kutipan Hasil di bawah Jabatan Tanah yang

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

ditubuhkan pada bulan Okttober 2023.

Antara tindakan yang dibuat adalah pertama, menyediakan pembayaran secara *online* melalui One Common Billing System bagi Jabatan Perumahan dan *e-Payment gateway* bagi Jabatan Tanah. Kementerian Pembangunan dan Jabatan Tanah pada masa ini dalam proses melaksanakan projek 1MOD-Integrated MOD Platform and Land System bagi tujuan menyatukan semua perkhidmatan-perkhidmatan Kementerian Pembangunan di bawah satu sistem bagi memudahkan pengurusan dan pembayaran kutipan hasil.

Kedua, membolehkan penerimaan pembayaran melalui pengeluaran Skim Persaraan Kebangsaan dan juga bayaran melalui institusi perbankan melalui pinjaman peribadi; dan Ketiga, membolehkan pembayaran cukai tanah dan bayaran perumahan dapat diterima di setiap kaunter-kaunter Jabatan Tanah dan Jabatan Kemajuan Perumahan di setiap daerah tanpa mengira lokasi alamat rumah atau tanah



tersebut.

Di samping itu, Yang Berhormat turut mengongsikan satu Jawatankuasa Kerja telah dibentuk yang bertujuan untuk memantau dan mengurangkan tunggakan mengikut undang-undang.

“Antara pencapaian yang diperoleh dari Tahun Kewangan 2021 / 2022 sehingga suku pertama Tahun Kewangan 2023 / 2024 adalah penyelesaian tunggakan *royalty* berjumlah BND53,877.97 di Jabatan Tanah daripada syarikat-syarikat perlombongan yang melombong pasir dan batu kelikir serta penyelesaian tunggakan air berjumlah BND16,757,718.85 di Jabatan Perkhidmatan Air daripada Jabatan Kerajaan sehingga penghujung tahun 2023,” jelas Yang Berhormat lagi.

“ANTARA pencapaian yang diperoleh dari Tahun Kewangan 2021 / 2022 sehingga suku pertama Tahun Kewangan 2023 / 2024 adalah penyelesaian tunggakan *royalty* berjumlah BND53,877.97 di Jabatan Tanah daripada syarikat-syarikat perlombongan yang melombong pasir dan batu kelikir serta penyelesaian tunggakan air berjumlah BND16,757,718.85 di Jabatan Perkhidmatan Air daripada Jabatan Kerajaan sehingga penghujung tahun 2023”.

Perangkaan pemilikan rumah NBD sebanyak 67.1 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid mengongsikan beberapa komitmen keutamaan Kementerian Pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan.

“Sehingga kini, perangkaan pemilikan rumah Negara Brunei Darussalam ialah sebanyak 67.1 peratus. Dalam usaha untuk terus menyediakan rumah-rumah di dalam Skim Perumahan Negara di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan, projek-projek baharu bagi penyediaan prasarana terus diusahakan di Tahun Kewangan 2024 / 2025 ini.

“Di samping usaha penyediaan perumahan, sebanyak 2,674

penggeranan tanah TOL juga telah dianugerahkan kepada pemilik-pemilik Tanah TOL yang memenuhi syarat-syarat kelayakan,” ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat turut mengongsikan melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN Ke-11), dua projek sedang dijalankan ialah Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2, dengan pembinaan 1,000 unit rumah teres yang dijangka akan siap pada penghujung bulan Mac ini

dan Projek Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu Fasa 7 iaitu pembinaan sebanyak 950 unit rumah teres yang telah bermula pada bulan Januari 2023 dan dijangka siap pada bulan Januari 2025.

Bagi perancangan di bawah RKN Ke-12, Yang Berhormat Menteri menyatakan Jabatan Kemajuan Perumahan sedang membuat perancangan projek-projek kemajuan perumahan dengan peruntukan BND41,555,200 bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025. Ini adalah dari harga Rancangan RKN Ke-12 berjumlah BND276,950,443.

Antara kerja permulaan yang akan dilaksanakan dengan peruntukan ini adalah Kerja-kerja Site Investigation di kawasan

Kampung Salambigar, Kampung Tanah Jambu, Kampung Katok, Kampung Lumut dan Kampung Rataie; Kerja-kerja Tanah (Earthworks) di kawasan Kampung Katok dan Kampung Rataie; dan Pembinaan perumahan di Kawasan-kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung

Lugu (Fasa 2B), Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut (Fasa 7), Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba (Fasa 6) dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Salambigar. Projek-projek ini dijangka akan menyediakan lebih 1,600 buah rumah yang baharu.

“SEHINGGA kini, perangkaan pemilikan rumah Negara Brunei Darussalam ialah sebanyak 67.1 peratus. Dalam usaha untuk terus menyediakan rumah-rumah di dalam Skim Perumahan Negara di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan, projek-projek baharu bagi penyediaan prasarana terus diusahakan di Tahun Kewangan 2024 / 2025 ini.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



KERJA PENAMBAHBAIKAN BEKALAN AIR TERUS DILAKSANAKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Dengan peruntukan pada Tahun Kewangan 2023 / 2024, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air telah melaksanakan beberapa projek penambahbaikan sistem bekalan air yang berterusan dan kualiti air yang menepati piawaian.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan, antara kerja yang telah dilaksanakan termasuk pembaikan di loji-loji air Bukit Barun, Layong dan Seria; penggantian pam-pam air dan paip-paip lama yang bocor; dan

pembersihan lebih kurang 40 tangki air secara berkala.

"Alhamdulillah, kerja-kerja ini telah dapat mengurangkan kekerapan gangguan bekalan air. Kerja-kerja penambahbaikan ini akan terus diusahakan," jelas Yang Berhormat semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Dalam memberikan perkhidmatan kemudahan bekalan air tambah Yang Berhormat, penduduk-penduduk

di kawasan-kawasan pedalaman juga diberikan keutamaan.

Pada tahun 2023 / 2024, jelas Yang Berhormat lagi, Alhamdulillah, Jabatan Kerja Raya telah dapat menyediakan sistem bekalan air melalui paip kepada kawasan pedalaman di Ulu Belait iaitu Kampung Sukang dan Kampung Melilas dengan siapnya projek pemasangan paip air dari jalan Labi hingga ke Kampung Sukang.

Untuk makluman tambah Yang Berhormat, sebelum ini, penduduk kampung tersebut mendapatkan bekalan air bersih dari turunan hujan dan sungai yang dibersihkan menggunakan sistem *slow sand filtration*.

"Alhamdulillah pada bulan Januari 2024 ini, Rumah Panjang Kampung Melilas telah mulai

menerima air melalui saluran paip air ke Rumah Panjang berkenaan," ujar Yang Berhormat.

Bagi meningkatkan kapasiti pengurusan penyediaan air dan objektif khusus untuk meningkatkan *water security* jelas Yang Berhormat lagi, sejumlah BND43,133,263 diperuntukkan bagi perbelanjaan-perbelanjaan Tahun 2024 / 2025 yang merangkumi kerja-kerja penambahbaikan rangkaian sistem saluran air, pemeliharaan tangki-tangki air dan menaik taraf loji-loji rawatan air di semua daerah.

Menurut Yang Berhormat, antaranya ialah meningkatkan kapasiti pengeluaran air bersih bagi Daerah Brunei dan Muara melalui Projek Pembinaan Loji Rawatan Peringkat 8 di Bukit Barun, Tutong yang masa ini dalam pembinaan.

Yang Berhormat menambah, loji tersebut direka bentuk untuk dapat mengeluarkan lebih kurang 120 juta liter air bersih sehari dan insyaaAllah, apabila projek ini siap nanti, ia akan dapat terus memenuhi keperluan bekalan air hingga ke tahun 2035.

Manakala bagi Daerah Belait, kata Yang Berhormat, projek meningkatkan kapasiti pengeluaran air dari Loji Rawatan Air Agis-Agis di Sungai Liang akan menambah kapasiti lebih kurang 36 juta liter sehari apabila siap nanti pada tahun 2026.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

Bagi Daerah Temburong, tambah Yang Berhormat lagi, Projek Pembesaran Loji Rawatan Air Batang Duri dirancang untuk menambah kapasiti sebanyak 20 juta liter air bersih sehari, iaitu peningkatan 100 peratus daripada kapasiti yang ada pada masa ini.

"Pada masa ini, di bawah RKN Ke-11, terdapat dua projek yang sedang dalam perlaksanaan iaitu Pembinaan Tangki Lakiun dan Pembinaan Tangki Batang Duri. Kedua-dua projek ini dijangka akan siap pada penghujung tahun ini dan insyaaAllah, ini adalah di antara perancangan dan usaha untuk mengurangkan isu kekurangan bekalan air yang dialami di daerah tersebut," ujar Yang Berhormat.

"PADA masa ini, di bawah RKN Ke-11, terdapat dua projek yang sedang dalam perlaksanaan iaitu Pembinaan Tangki Lakiun dan Pembinaan Tangki Batang Duri. Kedua-dua projek ini dijangka akan siap pada penghujung tahun ini dan insyaaAllah, ini adalah di antara perancangan dan usaha untuk mengurangkan isu kekurangan bekalan air yang dialami di daerah tersebut".



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Dalam usaha menangani masalah banjir, beberapa projek saliran telah diusahakan sepanjang tempoh RKN Ke-11. Natijahnya saiz kawasan mudah banjir dapat dikurangkan dari 332 kilometer persegi kepada 288km persegi iaitu pengurangan sebanyak 44km persegi.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN)

yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sementara itu jelas Yang Berhormat, sepanjang 57km dari 130km persisiran pantai telah dapat ditangani daripada hakisan laut.

Menurut Yang Berhormat, antara projek pengawalan banjir yang telah siap dibuat pada tahun 2023 / 2024 antaranya ialah pembinaan kolam penahan banjir dan takungan air di Sungai Tutong; kerja-kerja mengorek Sungai Tutong dari Kampung Penapar; projek pencegahan banjir di hulu dan hilir Sungai Tutong dan menaik taraf sistem saliran Kampung Sungai Akar.

Pelaksanaan projek saliran bagi mengurangkan banjir

Seterusnya, kerja-kerja mengorek dan melebarkan Sungai Brunei, Sungai Kedayan dan Sungai Damuan; membina longkang baharu berukuran 3 meter lebar di Kampung Tanah Jambu; menaik taraf sistem saliran di Kampung Kiarong dan menaik taraf kerja servis infrastruktur di kawasan Bandaran Kuala Belait-Seria (Upgrading of Integrated Services Infrastructure Works at Kuala Belait-Seria Municipal Area).

"PADA tahun lalu, beberapa kawasan di Daerah Belait termasuk di Pekan Kuala Belait telah beberapa kali mengalami banjir. Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti punca kejadian banjir tersebut dan insyaaAllah, akan melaksanakan beberapa projek untuk mengurangkan kekerapan kejadian banjir di bawah RKN Ke-12," jelas Yang Berhormat.

Antaranya tambah Yang Berhormat, pertama,

"PADA tahun lalu, beberapa kawasan di Daerah Belait termasuk di Pekan Kuala Belait telah beberapa kali mengalami banjir. Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti punca kejadian banjir tersebut dan insyaaAllah, akan melaksanakan beberapa projek untuk mengurangkan kekerapan kejadian banjir di bawah RKN Ke-12".

penambahbaikan Saliran Belait Fasa 1 (Drainage Improvement at Belait Phase 1) yang bertujuan untuk menaik taraf sistem saliran, mengurangkan kejadian banjir dengan pembinaan longkang konkrit dan pembinaan stesen-stesen pam. Yang Berhormat menambah, antaranya adalah di Pekan Kuala Belait, Kampung Pandan, Mukim Seria, Kampung Lumut Tersusun, Kampung Lalit dan Sungai Liang.

Kedua jelas Yang Berhormat, membina Stesen Pam di F17 Seria bagi kawasan sering kebanjiran di kawasan Jalan Tengah, Pekan Seria dan kawasan perumahan Syarikat Minyak Brunei Shell, kawasan Lorong 7, kawasan Lorong 8 dan Tuker Lines.

Ketiga, kata Yang Berhormat, membina stesen pam di saluran keluar (outfalls) bagi kawasan yang sering dilanda banjir di Jalan Maulana, Kuala Belait dan keempat, membina longkang utama menuju stesen saliran Kampung Sungai Bera untuk mengurangkan kejadian banjir di Pekan Seria.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Membentuk pelan kesinambungan operasi lebih bersepadu

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Penyampaian maklumat mengenai isu gangguan bekalan elektrik kepada orang ramai awam setentunya adalah kritikal dalam situasi begitu.

Oleh itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyatakan semasa insiden berkenaan terjadi pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah pun menyampaikan maklumat rasmi yang terkini mengenai punca dan status semasa insiden-insiden gangguan bekalan tenaga elektrik pada orang ramai secara berterusan melalui pelbagai kaedah termasuk media sosial serta melalui saluran aplikasi WhatsApp yang sedia



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

“DALAM kesempatan ini juga, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dialu-alukan untuk memastikan isu-isu sedemikian rupa dapat ditangani bersama secara bersepadu di tahap akar umbi dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 pada tahun ini”.

ada di antara pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik bersama kesemua penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di keempat-empat daerah.

“Orang ramai juga disarankan untuk menghubungi Talian Darussalam 123 sekiranya mengalami gangguan bekalan elektrik. Sebagai langkah seterusnya berikutnya insiden berkenaan salah satu aspek yang ditekankan untuk membentuk Pelan Kesinambungan Operasi atau Business Continuity Plan yang lebih bersepadu melibatkan

bukan sahaja agensi-agensi kerajaan malahan juga pihak-pihak berkepentingan yang lainnya. Ini termasuklah untuk mengukuhkan lagi pelan komunikasi bagi insiden-insiden sedemikian,” jelas Yang Berhormat pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji

Mohamed iaitu berkaitan dengan bekalan elektrik.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa matlamat usaha ini adalah untuk mewujudkan sebuah Integrated Business Continuity Plan yang boleh diaktifkan secara berkesan dengan mengambil kira pendekatan Whole of Nation bagi mengurangkan risiko penjejasan dan kesan gangguan bekalan tenaga elektrik kepada setiap perkhidmatan kritikal dan meningkatkan lagi kedayatahanan (resilience) daripada apa juga insiden yang bakal terjadi.

“Apapun peramba / kaola / saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Awang Zainol untuk penyampaian yang lebih berkesan untuk menenangkan rasa keimbangan masyarakat yang terjejas oleh gangguan bekalan elektrik.

“Dalam kesempatan ini juga, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dialu-alukan untuk memastikan isu-isu sedemikian rupa dapat ditangani bersama secara bersepadu di tahap akar umbi dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 pada tahun ini,” tambah Yang Berhormat lagi.

TINGKATKAN KUALITI, PENAMBAHBAIKAN PRASARANA JALAN RAYA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan, pada Tahun Kewangan 2023 / 2024, Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan beberapa projek penambahbaikan untuk meningkatkan lagi kualiti prasarana jalan raya dan lebuh raya di negara ini.

Beberapa projek tersebut, tambah Yang Berhormat,

seperti pertama, melaksanakan pemeliharaan jalan secara berintegrasi (*integrated maintenance contract*) bagi lebuh raya seperti Lebuhraya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Lebuhraya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Lebuhraya Muara-Belait, Lebuhraya Tungku-Rimba dan Lebuhraya Tungku-Jerudong.

Kedua jelas Yang Berhormat, kerja-kerja pemeliharaan jalan raya termasuk di kawasan Jalan Kuala Balai, Mukim Liang, Mukim Bukit Sawat, Mukim Sukang,

Jalan Rasau-Sungai Teraban, sepanjang Jalan Kuala Tutong, Kampung Panchong dan Kuala Ungar; dan ketiga, Projek Pembaikan Jalan Tutong dari Jerudong ke Kampung Penanjong Fasa 2.

“InsyaaAllah, penambahbaikan akan diteruskan lagi di bawah RKN Ke-12 untuk menaik taraf jalan-jalan yang masih belum dilaksanakan,” ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, beberapa projek lanjutan daripada RKN Ke-11 seperti berikut untuk disasarkan untuk disiapkan dalam tahun ini iaitu Tahun Kewangan 2024 / 2025 : pertama, penyediaan jejambat (*flyover*) di persimpangan-persimpangan utama di bawah program pembinaan Jalan Penghubung Tanah Jambu iaitu di persimpangan Jalan Utama

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

Menteri (Perumahan Negara Mengkubau) dan di persimpangan Jalan Muara, yang dijangka untuk siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2024 ini.

Kedua, kata Yang Berhormat, projek pembinaan jejambat di persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong (Tanjung Kajar) dan Jalan Utama Tanah Jambu yang dijangka akan siap pada penghujung tahun 2024 ini juga; dan ketiga, kerja-kerja pemasangan sistem lampu isyarat di pusing keliling Sungai Akar yang sedang dilaksanakan pada masa ini, yang dijangka akan mula beroperasi pada bulan April 2024.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya bersama dengan Jabatan-jabatan Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menguruskan projek kerja-



kerja menaik paras jalan raya di kawasan yang sering dilanda banjir di Daerah Tutong, Dearah Belait dan Daerah Temburong di mana telah siap pelaksanaannya di Dearah Belait dan Dearah Temburong dan masih terdapat kerja-kerja susulan di Dearah Tutong.

Pada masa ini jelas Yang Berhormat lagi, sepanjang 12.4 kilometer daripada 22.3km keseluruhan jalan raya yang dirancang melalui projek ini siap dilaksanakan.

“INSYAAALLAH, penambahbaikan akan diteruskan lagi di bawah RKN Ke-12 untuk menaik taraf jalan-jalan yang masih belum dilaksanakan”.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Merealisasikan ekosistem Perkhidmatan Awam kondusif, dinamik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Dalam mendukung usaha senegara berkaitan transformasi digital melalui Institut Perkhidmatan Awam (IPA), sebanyak 31 peratus program atau kursus yang ditawarkan berupa inovasi dan ICT.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan, sebanyak 30 jenis kursus disediakan untuk diikuti oleh penjawat awam seperti Basic IT Skills, Basic Programming, Designing for Presentation termasuk penganalisaan data menggunakan analysis tools seperti SPSS, Starter dan Visualization menggunakan Power Business Intelligence.

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang diajukan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai review Civil Service Framework.

Semasa menjawab persoalan mengenai *flexi hours*, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II berkata, sejajar dengan perkembangan semasa dan untuk mengimbangi keperluan kerjaya dengan keseimbangan kehidupan (*work-life balance*), dan mengambil kira penanda aras waktu bekerja semasa menghadapi pandemik COVID-19, JPM khususnya melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, pada masa ini sedang membuat kajian kebolehsesuaian (*feasibility study*) dengan amalan-amalan terbaik termasuklah mengadakan kajian terperinci untuk menangani isu dan cabaran khususnya mengenai waktu bekerja dalam Perkhidmatan

Awam secara menyeluruh dan produktiviti kerja dalam kementerian dan jabatan masing-masing.

"Untuk makluman, waktu kerja fleksibel pada masa ini memang telah diperaktikkan seperti perkhidmatan kaunter. Walau bagaimanapun, inisiatif selanjutnya adalah kemungkinan bagi melaraskan konsep *flexi hour* ini ke dalam waktu bekerja dalam Perkhidmatan Awam secara keseluruhan," ujar Yang Berhormat pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.


Pada peringkat permulaan ini, tambah Yang Berhormat, satu penyelidikan mengenai waktu hari bekerja telah pun diadakan pada peringkat kumpulan kerja dengan mengenal pasti dapatkan fakta

mengenai kedudukan sumber manusia, fungsi tugas kerja, penyampaian perkhidmatan kepada pihak berkepentingan dan fungsi berpusatkan pelanggan (*client centered*) dan dasar-dasar yang berkaitan untuk dianalisa kebolehsesuaianya.

Dapatkan daripada kajian atau penyelidikan itu nanti jelas Yang Berhormat lagi, sudah setentunya akan menjurus kepada penggubalan dasar-dasar yang berkaitan khususnya waktu bekerja fleksibel dalam Perkhidmatan Awam.

Walau bagaimanapun, kata Yang Berhormat, terdapat keperluan melaksanakan *stackholder engagement* yang lebih menyeluruh bagi memastikan pelaksanaannya inklusif tanpa menjelaskan produktiviti kerja, lebih-lebih lagi impak kepada orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan daripada pihak kerajaan.

"Apa juga diharapkan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II.

supaya kementerian-kementerian, untuk juga mempercepatkan dan menjayakan program digitalisasi untuk memenuhi sasaran *smart governance* serta merealisasikan ekosistem Perkhidmatan Awam yang lebih kondusif dan dinamik," ujar Yang Berhormat.

KEMPEN KESEDARAN DALAM MENANGANI ISU ‘SCAM’

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha ingin memaklumkan bahawa Cyber

Security Brunei (CSB) telah pun beroperasi sejak tahun 2020 dan mempunyai tiga peranan utama, melalui tiga cawangan iaitu pemantauan melalui Cyberwatch Centre; tindak balas respons melalui BruCERT dan National Digital Forensics Laboratory.

"Sepertimana yang disampaikan pada 9 Mac 2024, memandangkan *online scammed* merupakan jenayah yang berbeza dan daripada *traditional crimes* dan memerlukan tindakan yang berbeza dan yang penting menangani *scammed issue* (isu scam) ini adalah tindakan cepat, supaya membanterasnya daripada berlarutan juga tersebar," jelas Yang Berhormat pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat,

dalam hubungan ini, mangsa-mangsa mestilah melaporkannya kepada sama ada BruCERT atau Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan di antara dua pihak ini, baik mereka akan berkongsi laporan. Tetapi oleh kerana itu, untuk menyelaraskan lagi proses ini, *task force* bagi menangani jenayah tipu dan *scamming* ini telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Undang-undang di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat juga ingin membetulkan sedikit mengenai keahliannya. Pengerusinya adalah Pengarah Siasatan Jenayah PPDB dan Timbalan Pengerusinya adalah terdiri daripada Brunei Darussalam Central Bank. Manakala, ahli-ahli yang lainnya adalah seperti mana yang kaola kongsikan pada hari tersebut.

"Di samping itu, untuk membarangkan mengenai isu *scammed* ini, beberapa kegiatan awareness dan juga talks telah diadakan oleh CSB sendiri, melalui kempen kesedaran

mereka melalui webinar dan Anti-Scammed Talks juga telah diadakan yang juga melibatkan PPDB, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pejabat Peguam Negara, Brunei Darussalam Central Bank, wakil-wakil bank dan juga pihak ITPSS Sdn. Bhd. Information Technology Protective Security Services dan juga BruCERT iaitu Brunei Computer Emergency Response Team.

"Agensi-agensi lain seperti AITI dan juga Telsco atau Celco juga mengendalikan awareness kempen mereka mengenai isu-isu *scam*, ini termasuk juga institusi perbankan di Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai cadangan penubuhan Pusat Anti-Scam Kebangsaan dan juga untuk mengenai usaha menggalakkan mangsa untuk tampil membuat laporan.

Jadinya, melalui usaha-usaha ini, Yang Berhormat menjelaskan orang ramai tidak akan keliru mengenai dengan proses untuk



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

melaporkan isu *scam* ini yang penting ia memerlukan laporan polis untuk tindakan secara legal diambil dengan mengendalikan investigation (penyiasatan).

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam hal ini, Digital National Forensics Laboratory yang mengenai dengan isu *scam* ini, meninggalkan Digital Footprint oleh yang demikian jika alat-alat ini dapat diserahkan kepada Digital National Forensics Laboratory akan dapat diketahui apalah di mana mungkin kelemahan-kelemahan yang mengakibatkan *scam* tersebut terjadi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MEMPERKESANKAN PENYEBARLUASAN PENGETAHUAN ADAT ISTIADAT



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Jabatan Adat Istiadat Negara akan terus meningkatkan usaha dalam mengungkayahkan taklimat-taklimat pembarigaan dalam hasrat untuk menyebarluaskan pengetahuan adat istiadat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan, penyebarluasan pengetahuan adat istiadat merupakan peranan utama Jabatan Adat Istiadat Negara bagi mendukung visinya iaitu 'Untuk Memberikan Masyarakat Brunei Pengetahuan dan Pemahaman tentang Adat Istiadat'.

Berucap pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

Menurut Yang Berhormat, antara usaha tindakan bagi memperkesankan lagi penyebarluasan pengetahuan

adat istiadat adalah seperti pertama, menyampaikan taklimat atau ceramah mengenai adat istiadat kepada pegawai dan kakitangan kerajaan melalui jabatan dan kementerian serta agensi-agensi kerajaan yang lain mengikut perancangan, jadual dan permintaan.

Kedua, menyampaikan taklimat atau ceramah mengenai adat istiadat kepada pelajar pelbagai peringkat termasuk prauniversiti, maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah di negara ini mengikut perancangan, jadual dan permintaan.

Ketiga tambah Yang Berhormat, menyampaikan taklimat kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung bagi setiap daerah untuk persediaan Majlis Ramah Mesra dan Menjunjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keempat, jabatan ini juga membuka taklimat dan

ceramah kepada agensi agensi swasta dan pertubuhan-pertubuhan awam (*non-governmental organization*) seperti agensi perbankan, agensi pelancongan dan persatuan-persatuan dan sebagainya.

Mengenai dengan statistik sebagai sasaran (KPI) jabatan, Yang Berhormat menjelaskan, Jabatan Adat Istiadat Negara terus meningkatkan usaha bukan sahaja untuk mencapai sasaran tersebut bahkan melebihi daripada apa yang disasarkan sebagai misal anggaran pada Tahun Kewangan 2023 / 2024 adalah 76, namun jabatan telah pun memberikan taklimat sebanyak 88 kali.

Tambah Yang Berhormat, jabatan juga sedang dalam usaha untuk *membarigakan* melalui platform Mobile Apps yang pada ketika ini dalam peringkat permulaan, iaitu Projek JAIN.bn. di mana melalui dengan kaedah ini orang ramai akan dapat mengakses maklumat berkaitan dengan Jabatan Adat Istiadat Negara.

Yang Berhormat seterusnya menambah, dalam jangka masa pendek jabatan telah pun memasukkan maklumat mengenai adat istiadat dalam



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II.

buku program Istiadat Perkahwinan Diraja tiga tahun kebelakangan manakala dalam jangka masa panjang usaha ini akan ditingkatkan dengan kerjasama daripada Pusat Sejarah Brunei, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menghasilkan panduan pengurusan work-life balance di sektor awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan, sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM) pada tahun ini, satu bengkel bertajuk 'Developing Framework for

Measuring Productivity and Public Sector' akan diselenggarakan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di bawah ASEAN Work Plan 2021-2025 pada bulan November tahun ini bersama negara-negara ASEAN.

Yang Berhormat menjelaskan, bengkel bertujuan untuk menghasilkan piawaian yang dapat diguna pakai untuk mengenal pasti faktor kritikal dalam mengukur produktiviti penjawat

awam dan sebagai penanda aras untuk penambahbaikan berterusan dan sebagai pemicu perubahan dalam membina strategi tenaga manusia.

Sejajar dengan matlamat ACCSM iaitu 'Untuk Membina dan Mengelakkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi, Dinamik dan Berpaksikan untuk Rakyat ASEAN' jelas Yang Berhormat, Bengkel Strengthening Government

Strategies in Mental Health and Well-Being towards Achieving WorkLife Balance in Public Sector akan diselenggarakan oleh IPA pada bulan Mei 2024 di bawah Pelan ACCSM 2021-2025.

"Hasil daripada bengkel ini ialah untuk menghasilkan panduan dalam pengurusan work-life balance di sektor awam dan mendokumenkan inisiatif amalan terbaik dan cabaran yang dikenal pasti," ujar Yang Berhormat semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, dokumen tersebut akan dapat digunakan oleh pembuat dasar di negara ASEAN dan ia adalah sebahagian usaha menuju ke arah produktiviti di perkhidmatan awam serta ditambah lagi dengan Public Service Capability Development Framework (PSCDF) yang baru saja dilaksanakan oleh IPA untuk

melihat taraf dan jurang yang ada pada kompetensi Perkhidmatan Awam.

"Jika ada jurang atau tidak mencapai sasaran tahap intervensi yang diperlukan mengikut modal pembelajaran sama ada *experiential*, *social* ataupun *formal learning*, ke arah ini, peranan IPA ialah memastikan kursus yang berdasarkan kompetensi yang terkandung di dalam PSCDF tersebut."

"Dalam masa yang sama, IPA akan terus menjalankan program-program latihan berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan tugas harian sebagai dukungan kepada usaha peningkatan tahap produktiviti penjawat awam," ujar Yang Berhormat lagi.

Untuk makluman bersama tambah Yang Berhormat, hasil Kajian Impak yang dilaksanakan oleh pihak IPA ke atas 117 penyelia peserta kursus yang telah mengikuti kursus-kursus di bawah tema 'Produktiviti dan ICT' anjuran IPA tahun lepas, 92 peratus menyatakan terdapat impak terhadap pembaikan ke atas mutu kerja masing-masing dan 91 peratus menyatakan terdapat impak kepada tahap produktiviti dalam organisasi.

"HASIL daripada bengkel ini ialah untuk menghasilkan panduan dalam pengurusan work-life balance di sektor awam dan mendokumenkan inisiatif amalan terbaik dan cabaran yang dikenal pasti," ujar Yang Berhormat semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MENAMBAH BAIK SECARA BERTERUSAN KUALITI PERKHIDMATAN AWAM



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Melalui usaha transformasi perkhidmatan awam khususnya dalam memperkesan lagi mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, ia meliputi peranan beberapa agensi di



AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dalam hal ini, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan, pelbagai usaha dirancang dan dilaksanakan bagi menambah baik secara berterusan kualiti Perkhidmatan Awam.

Menurut Yang Berhormat antaranya seperti berikut pertama, melaksanakan pemantauan ke atas tahap kecekapan organisasi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Antaranya tambah Yang Berhormat, melalui Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA), Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan (KSTP) dan pemantauan pencapaian Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR).

"Program-program berkenaan menilai dan mengukur prestasi agensi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai terutama agensi-agensi kerajaan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Dapatkan-dapat serta cadangan penambahan daripada hasil penilaian dikongsikan kepada kajian agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk tindakan lanjut," ujar Yang Berhormat pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama

menilai dan mengukur prestasi agensi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai terutama agensi-agensi kerajaan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Dapatkan-dapat serta cadangan penambahan daripada hasil penilaian dikongsikan kepada kajian agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk tindakan lanjut," ujar Yang Berhormat pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama

dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Kedua, tambah Yang Berhormat, melaksanakan Program Transformasi Sistem Kerja (TSK) yang melibatkan penelitian proses kerja terhadap satu-satu perkhidmatan kerajaan dan seterusnya melaksanakan penambahan melalui kaedah Business Process Re-Engineering.

Pada masa ini, jelas Yang Berhormat, tumpuan diberikan kepada agensi-agensi kerajaan yang memberikan khidmat kritikal kepada mengukuhkan aspek sosial ekonomi kumpulan sasaran yang diberikan bantuan.

Ketiga tambah Yang Berhormat lagi, melaksanakan Program Anugerah Inovasi Perdana (AIP) iaitu merupakan satu inisiatif pengiktirafan kepada agensi-agensi kerajaan yang telah berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam.

Menurut Yang Berhormat, ia juga bertujuan sebagai pemangkin kepada mempergiatkan lagi usaha agensi-agensi kerajaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dalam melaksanakan program-program pembaharuan serta penambahbaikan terutama khususnya kepada orang ramai dalam berurusan dengan agensi kerajaan.

Keempat kata Yang Berhormat, Projek Sistem E-Pemedulian Pelanggan (EPP) yang dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) di mana ia merupakan satu kaedah bagi pengumpulan data berkaitan prestasi perkhidmatan agensi-agensi kerajaan secara digital, cepat dan *real time*.

"Dengan adanya maklumat dan data yang terkini dan keupayaan sistem melaksanakan Monitoring and Evaluation (ME) ini akan memberi kemudahan untuk melaksanakan data analitik, meramal dan merancang (*forecasting and planning*), menganalisa trend (*trend analysis*) penyampaian perkhidmatan," ujar Yang Berhormat lagi.

Kelima jelas Yang Berhormat, pengemaskinian peraturan-peraturan pegawai-pegawai kerajaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 1A dan Penggal B yang akan diselanjurkan dengan pewujudan mengawal dasar dan peraturan

sumber manusia Perkhidmatan Awam yang mana adalah di peringkat akhir penyelesaiannya.

Menurut Yang Berhormat lagi, pengemaskinian ini akan menghasilkan laporan yang lebih relevan dengan keperluan masa kini serta selaras dengan surat-surat keliling kerajaan yang berkuat kuasa dan antara impak yang dihasratkan ialah mempertingkatkan produktiviti dalam Perkhidmatan Awam dengan adanya pemberian ke atas peraturan-peraturan tertentu.

Keenam tambah Yang Berhormat, pelaksanaan Rangka Kerja Pembangunan Keupayaan Perkhidmatan Awam (Public Service Capability Development Framework - PSDF).

"Rangka kerja ini merupakan pembaharuan dalam ekosistem pembangunan keupayaan Perkhidmatan Awam melalui penilaian keupayaan dan kebolehan tenaga kerja dalam melaksanakan strategi, inisiatif dan program kementerian dan jabatan di mana ia akan mengenal pasti dengan jelas jurang kompetensi membolehkan latihan yang tersasar (*targeted*) dan seterusnya menyumbang kepada meningkatkan prestasi organisasi.

Penggunaan USMS terus diberikan perhatian



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan bahawa pihak Syarikat DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) iaitu sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah Darussalam Assets dan juga pihak kerajaan memang giat memberi perhatian terhadap isu-isu yang dibangkitkan mengenai penggunaan Unified Smart Metering System (USMS).

Berdasarkan penyelidikan yang

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

telah dikendalikan, tambah Yang Berhormat kebanyakannya aduan berkaitan dengan peningkatan bil elektrik dan air boleh dijelaskan. Antaranya, aduan mengenai peningkatan bil elektrik telah dibangkitkan oleh pengguna yang didapati sebelum ini membuat pengubahsuaian meter secara haram ataupun kerosakan meter yang lama yang sebelum ini membolehkan pengguna untuk terus menggunakan elektrik tanpa pembayaran. Pemasangan *smart meter* memastikan pengguna tersebut membayar bil elektrik berdasarkan jumlah elektrik sebenar yang sedang digunakan.

Seterusnya Yang Berhormat mengongsikan terdapat juga beberapa kes peningkatan bil elektrik yang disebabkan kerana pengguna lupa untuk membeli kredit bagi *smart meter* air. Sekiranya kredit *smart meter* air habis dan tidak ditambah dalam tempoh 48 jam, pemindahan kredit daripada *smart meter* elektrik akan berlaku secara automatik tanpa gangguan kepada perkhidmatan bekalan air.

Peningkatan penggunaan air juga boleh disebabkan oleh kebocoran air dari tangki air pengguna tersebut. *Smart meter* air yang telah dipasang mempunyai penunjuk kebocoran air.

"Selain itu, beberapa pengguna utiliti mempunyai tunggakan bil elektrik atau air yang dipotong secara automatik setiap bulan daripada pembelian kredit pada tahap yang telah ditetapkan setelah persetujuan dicapai di antara pengguna dan pembekal utiliti.

"Faktor-faktor yang telah disebut telah memberikan tanggapan yang salah kepada pengguna-pengguna berkenaan bahawa kredit mereka digunakan secara tidak wajar. Pihak DSTN dan juga pihak kerajaan sentiasa memberi bantuan dan penjelasan kepada aduan-aduan yang disampaikan melalui DSTN Hotline atau Talian Darussalam 123," ujar Yang Berhormat pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara

(MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan pihak kerajaan ingin menekankan sekali lagi bahawa tiada perubahan tarif elektrik dan air telah dikenalkan oleh DES ataupun DWS. Walau bagaimanapun, tambahnya pada bulan Disember 2023 USMS mengalami masalah teknikal yang menyebabkan ketidakselesaan di antara pengguna utiliti sebenar dan bacaan akaun meter pengguna.

Menurut Yang Berhormat, pihak yang berkenaan telah pun memeriksa secara teliti semua akaun semasa tempoh terjejas untuk memastikan ketetapan caj dan penggunaan.

Hasil penelitian tersebut jelas Yang Berhormat mengesahkan bahawa kebanyakan meter hanya mengalami *delay backdated charging* tetapi jumlah dicaj adalah masih selaras dengan penggunaan elektrik. Walau bagaimanapun, terdapat 16 meter yang telah dicaj secara berlebihan

berjumlah BND97.63 iaitu sebanyak BND4.65 secara prorata bagi setiap akaun yang terjejas.

Pihak DSTN telah pun membuat bayaran balik kepada kesemua akaun yang terjejas. Menyentuh mengenai berapa syarikat yang telah dilantik untuk memasang meter-meter berkenaan.

"Ada lima buah syarikat yang telah dilantik. Seterusnya mengenai dengan meter bersubsidi. Pada masa ini, bagi meter-meter untuk diganti memang pengguna tidak perlu membayar apa-apa pembayaran. Jadi untuk meter yang baru sahaja seperti biasa akan dibayar," jawab Yang Berhormat.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Ramadan terus disemarakkan dengan Tadarus Al-Quran

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Majlis Bertadarus Malam-

malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diadakan bagi malam keenam di Surau, Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraia Mejar Jeneral (B) Dato

Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Hadir sama, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejor Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin

oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Pengarah-pengarah Tentera, Pegawai-pegawai Kanan, dan anggota daripada Kementerian Pertahanan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diadakan di Surau, Istana Nurul Iman (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



HALUAN

MSME penting memacu pertumbuhan ekonomi negara

>> Muka 2

Merujuk Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Laporan VNR 2023 untuk Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan kepentingan multilateralisme untuk mengukuhkan lagi pencapaian SDG. Oleh itu, ini menjamin kami untuk bekerjasama dengan lebih berkesan antara Kerajaan dan pembina ekosistem serta sektor swasta untuk mewujudkan persekitaran mampan yang kondusif untuk perniagaan kami berkembang. Dengan dasar dan landskap kawal selia yang betul, ketersediaan sokongan dan infrastruktur, peluang rangkaian dan akses kepada sumber khusus, ini boleh membantu PMKS kami menavigasi kerumitan amalan perniagaan yang mampan dan membuka laluan baharu ke arah

kejayaan.

Dengan itu, saya berharap usahawan akan menggunakan peluang yang ada pada acara ini untuk meneroka dan mencipta peluang perniagaan baharu, mewujudkan hubungan bermakna, dan membuka laluan kepada pertumbuhan perniagaan yang mampan.

Sebagai penutup, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam memberikan sokongan dan sumbangan, dan untuk bersama-sama menjayakan Festival MSME Brunei tahun ini.

Dengan kalimah 'Bismillaah Hirrahmaaniir Rahiim' dan dengan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, saya sukacita merasmikan Festival MSME Brunei 2024.

*Wabillahit
Walhidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh*
Terima kasih.

PROGRAM BRUNEI PEDULI PALESTIN 3.0 DILANCARKAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Program Brunei Peduli Palestin 3.0 yang berlangsung di Dewan Mahkota, Times Hotel, Berakas (kanan dan kiri).



dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Abduslam bin Abdul Malik. Manakala terjemahan inti sari ayat dibacakan oleh Awang Faisol bin Haji Ahmad, juga mahasiswa dari UNISSA.

Acara kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan

daripada Pengurus Jawatankuasa Kerja Program Brunei Peduli Palestin 3.0, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, yang antara lain menyarankan agar para belia berperanan dengan apa juga kapasiti, kemampuan, potensi serta kreativiti sebagai belia melalui bimbingan dan pemantauan para mentor dan pihak KHEU untuk menyebarkan kefahaman yang sahih dan kesedaran tentang Palestin bersesuaian dengan suasana di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis kemudiannya diikuti dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat majlis dan kemudiannya menyaksikan tayangan video Brunei Peduli Palestin. Acara turut diserikan dengan persembahan Spoken Words oleh dua mahasiswa UNISSA iaitu Dayang Amyra



Shaira binti Suherdy dan Dayang Nur Aqilah binti Haji Jefri.

Antara Aktiviti Program Brunei Peduli Palestine 3.0 ini adalah termasuk ceramah motivasi, Quran Hour, Klinik Al-Fatihah, Persembahan Amal, pameran, jual-jualan daripada pengusaha tempatan dan wakaf Al-Quran. 70 peratus daripada hasil keuntungan diperoleh daripada jual-jualan akan disalurkan ke Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza.

>> Muka 1

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Belia Masjid Ash-Shaliheen, Awang Muhammad Muiz bin Jahair

diikuti dengan Tilawah Al-Quran Surah Al-Baqarah, ayat 120 hingga 123 dibacakan oleh Ahli Jawatankuasa Belia Masjid Senegara, Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd. Rajid dan mahasiswa

Majlis Tadarus terus semarakkan Ramadan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus bersempena dengan bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Masjid Hassanal Bolkiah Tutong dan menyampaikan sumbangan wakaf (kanan dan atas).

TUTONG, Sabtu, 16 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini membuka tirai Majlis Tadarus bersempena dengan bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Masjid Hassanal Bolkiah Tutong. Majlis Tadarus pada tahun ini dikelolakan bersama oleh Jabatan Mufti Kerajaan dan jawatankuasa takmir masjid tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Majlis didahului dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa satu unit *high pressure water*, satu unit *dry and wet vacum cleaner*, satu unit 30m *garden hose* dan 60 unit kerusi yang disampaikan oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM kepada Imam Tingkat 1, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Kemudian Majlis Tadarus

dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan Tadarus Al-Quran dari Juzuk 1 yang dimulakan oleh tetamu kehormat selaku ketua rombongan. Acara turut diberkati dengan bacaan Doa Selamat dan Menunaikan Sembahyang Fardu Asar.


Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Penolong-penolong Mufti, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JPM. Hadir sama, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Ketua Kampung Pancor dan Pemangku Ketua Kampung Petani.

Majlis-majlis keagamaan pada bulan Ramadan seumpamanya adalah salah satu daripada aktiviti tahunan JPM bagi mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini, serta merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Bulan Ramadan terus diimarahkan dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis tersebut adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Rombongan diketuai oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid. Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian berserta pegawai dan kakitangan lelaki yang beragama Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Julazni bin Haji Zaini.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian ini serta jabatan-jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengetui rombongan kementerian pada Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

DUKUNG USAHA ANTARABANGSA TANGANI ISU DADAH GLOBAL



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri semasa menghadiri Segmen Peringkat Tinggi, Mesyuarat CND Kali Ke-67, yang telah diadakan pada 14 - 15 Mac 2024 di Vienna, Republik Austria.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

VIENNA, REPUBLIK AUSTRIA, Jumaat, 15 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan tetap komited di dalam mendukung usaha-usaha antarabangsa ke arah menangani isu dadah global.

Dalam hal ini negara akan terus memberikan sokongan kepada Commission on Narcotic

Drugs (CND) sebagai badan yang bertanggungjawab untuk memantau dan meneliti dasar-dasar berhubung dengan isu dadah di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan

Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu semasa menghadiri Segmen Peringkat Tinggi, Mesyuarat CND Kali Ke-67, yang telah diadakan pada 14 - 15 Mac 2024 di Vienna, Republik Austria.

Segmen Peringkat Tinggi, Mesyuarat CND Kali Ke-67 dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Philbert Abaka Johnson dari Republik Ghana dan dihadiri oleh Menteri-menteri dan perwakilan bertaraf tinggi dari 110 buah negara.

Segmen Peringkat Tinggi ini diadakan pada tahun ini bagi mengadakan penelitian separuh penggal (*mid-term review*) ke atas komitmen dasar dadah antarabangsa yang diisyiharkan pada 2019 dan mempercepatkan lagi pelaksanaannya dalam menangani isu dadah global dari tahun 2024 – 2029.

Ketika berucap pada mesyuarat tersebut, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian menekankan mengenai dasar toleransi sifar (zero-tolerance approach) yang menjadi asas bagi strategi NBD untuk mengurangkan permintaan dan bekalan dadah.

Menurut Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian, di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, NBD telah menggunakan pendekatan Whole-of-Nation dan Whole-of-Government untuk melaksanakan strategi-strategi komprehensif yang termasuk penguatkuasaan undang-undang dadah, pendidikan pencegahan dadah, rawatan dan pemulihan penagih dadah dan pengintegrasian bagi bekas penagih dadah.

Dalam hubungan ini, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian telah menzahirkan keimbangan terhadap pendirian liberal yang diambil oleh sebilangan negara-negara yang telah membolehkan penggunaan dadah ganja bagi tujuan bukan perubatan dan bukan saintifik.

Jelas Yang Mulia Dato, pendirian bebas seperti ini berpotensi untuk mengancam keselamatan orang ramai.

Oleh yang demikian, NBD telah memberi sokongan penuh kepada Kenyataan ASEAN dengan menegaskan komitmen untuk menangani masalah dadah global dan terus mempromosikan

masyarakat bebas dadah bagi memastikan keselamatan dan keamanan negara.

Mesyuarat 67th CND ini juga telah memperkenalkan satu inisiatif iaitu 'Pledge4Action' di mana negara-negara ahli berikrar komitmen dan keazaman masing-masing dalam menangani cabaran utama yang digariskan dalam dokumen '2019 Ministerial Declaration'.

Dalam mendukung inisiatif tersebut, NBD telah berikrar untuk meningkatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dengan menyediakan program yang berdasarkan kepada bukti serta penambahbaikan fasiliti menjelang 2026.

NBD buat julung kalinya mengadakan pameran bertajuk 'Pendekatan Negara Brunei Darussalam dalam Pengurangan Permintaan Dadah' semasa Mesyuarat CND Kali Ke-67.

Pameran tersebut mempamerkan usaha NBD dalam pendidikan pencegahan dan rawatan dan pemulihan penagih dadah.

Turut hadir, Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Mohd Zalani bin Haji Ismail, dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri dan Biro Kawalan Narkotik.

Kongsi pengalaman dalam pengurusan litigasi komersial, korporat



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri Seminar Kehakiman Litigasi Komersial Ke-8 yang diadakan dari 13 - 15 Mac 2024 di Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon telah menghadiri Seminar

Kehakiman Litigasi Komersial Ke-8 yang diadakan dari 13 - 15 Mac 2024 di Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR).

Seminar itu diadakan oleh Badan

Kehakiman Hong Kong SAR, bersama-sama dengan Mahkamah Agung New South Wales dan Mahkamah Agung Singapura. Seminar tersebut menyediakan forum untuk para hakim bertukar idea dan berkongsi pengalaman berhubung amalan terbaik dalam

pengurusan litigasi komersial dan korporat. Ia juga memudahkan persefahaman bersama dalam perkara yang berkaitan dengan aktiviti komersial rentas sempadan.

Seminar tahun ini merangkumi topik termasuk insolvensi rentas sempadan, kesan undang-undang

keharaman terhadap urus niaga sivil termasuk haram asing, isu undang-undang yang dibangkitkan oleh mata wang kripto, bukti pakar, dan pengurusan kes dan penyenaraian dalam kes komersial.

Seminar itu dihadiri oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Rayuan Terakhir Hong Kong SAR, Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung New South Wales, dan Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung Singapura bersama-sama hakim dan pegawai kehakiman dari Mahkamah Persekutuan Australia dan Mahkamah Agung New South Wales, Negara Brunei Darussalam, Republik Rakyat China, Hong Kong SAR, Jepun, Korea, Malaysia, New Zealand dan Singapura.

Majlis Makan Malam telah dihoskan oleh Ketua Eksekutif SAR Hong Kong, John Lee Ka-chiu.

Turut hadir pada seminar tersebut ialah Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Hajah Hazarena binti POKSJ DP Haji Hurairah, bersama pegawai kanan kehakiman dari Mahkamah Besar.

Sebelum Seminar tersebut, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar, Pemangku Ketua Pendaftar dan delegasi dari Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam mengadakan pertemuan dengan Pendaftar Mahkamah Rayuan Akhir (CFA) Hong Kong SAR, Wong King Wah.

Perbincangan membawa hasil telah diadakan mengenai pengurusan rayuan dalam CFA.

CERAMAH KHAS SEMARAK KEDATANGAN RAMADAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Kikitangan wanita Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di

bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Ceramah Khas bersempena bulan Ramadan bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian

Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia

YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) hadir selaku tetamu kehormat (kiri). Sementara gambar kanan, Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Othman.

Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Othman.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi di samping mengeratkan silaturahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



Kementerian berkenaan serta jabatan-jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Penuaian padi kajian di KKP Lekiu



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai dan menyertai penuaian padi kajian menggunakan jentuai (atas dan bawah kanan).

TEMBURONG, Sabtu, 16 Mac. - Sebagai kesinambungan kepada Majlis Penanaman Padi yang diadakan pada 14 Disember 2023 lalu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengadakan Majlis Penuaian Padi Kajian Kesesuaian Varieti-varieti Padi bagi Ladang Padi yang Tidak Mempunyai Sistem Pengairan bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lekiu, di sini.

Penanaman padi tersebut melibatkan kajian di kawasan tadian hujan di mana sebanyak tiga varieti padi telah ditanam di KKP Lekiu pada musim ini iaitu AWD101, AWD102 dan AWD103.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo. Turut hadir, Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab selaku Pengurusi Majlis; Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Acara didahului dengan penerangan ringkas berkenaan maklumat potensi hasil bagi varieti-varieti padi yang dikaji dalam musim pertama ini menggunakan Crop Cutting Technique telah disampaikan oleh Juruekopertanian di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Siti Hamizah binti Haji Zinal Abadin.

Seterusnya, majlis menyaksikan penuaian padi kajian menggunakan jentuai yang disertai oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.

Kajian tersebut adalah merupakan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China dalam membangunkan industri padi di negara ini yang mana fokus utama adalah untuk mendapatkan bekalan benih varieti berhasil tinggi padi dari Republik Rakyat China bagi menjalankan kajian kesesuaian di negara ini dan juga untuk mendapatkan bantuan mendatangkan Pakar Pembibitan Padi Hibrid (Hybrid Rice Breeder) bagi membantu melaksanakan dan memperkuuhkan program pembibitan padi dan industri biji benih padi di negara ini.

Penanaman padi menggunakan

varieti padi berhasil tinggi adalah merupakan strategi utama KSSUP dalam usaha untuk meningkatkan hasil padi yang diperoleh dari setiap hektar yang diusahakan.

Pada ketika ini, kajian giat dilaksanakan bukan sahaja di kawasan yang mempunyai sistem pengairan (*irrigated*) termasuk KKP Wasan dan KKP Batang Perhentian, tetapi juga di kawasan yang tidak mempunyai pengairan (*non-irrigated*) iaitu di KKP Lekiu.

Ke arah ini, KSSUP melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang melaksanakan kerjasama penyelidikan dengan Hunan Hybrid Rice Research Centre (HHRRC), Republik Rakyat China untuk mengkaji kesesuaian beberapa varieti padi berhasil tinggi untuk ditanam di negara ini.

HHRRC telah membangunkan pelbagai varieti padi berhasil tinggi termasuklah yang mampu mengeluarkan hasil yang tinggi iaitu sehingga 5 tan metrik sehektar semusim bagi kawasan *non-irrigated*.

Kajian kesesuaian varieti lazimnya akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum beralih kepada peringkat projek rintis penanaman varieti

padi yang terpilih dan seterusnya kepada penanaman pada skala yang lebih besar.

Peningkatan hasil pengeluaran padi tempatan ini adalah selaras dengan visi dan misi KSSUP yang antara lain bagi meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan dan kepelbagaian Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) melalui peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi bagi memenuhi permintaan domestik dan pasaran eksport.

Melalui strategi peningkatan produktiviti padi ini, ia diharap akan dapat meningkatkan pengeluaran padi negara, meningkatkan kadar sara diri beras serta menjadikan sektor industri padi berdaya maju dan berdaya tahan bagi masa yang panjang.



TIMBA ILMU FARDU AIN, TINGKATKAN PEMBACAAN AL-QURAN



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Program Tadarus dan Tasmī' Al-Quran, Tadabbur dan Amali Ugama anjuran Pertubuhan WARGAMAS bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Mac. - Majlis Pelancaran Program Tadarus dan Tasmī' Al-Quran, Tadabbur dan Amali Ugama anjuran Pertubuhan WARGAMAS bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri

Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat.

Seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd Don yang antara lain menyatakan tujuan majlis dilaksanakan adalah bagi menyemarakkan dan mengembangkan lagi syiar Islam di negara ini melalui pembacaan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



Al-Quran, tadabbur dan amali ugama selain membantu mendukung Wawasan Negara 2035.

Menurutnya, ia juga dapat meningkatkan lagi pembacaan Al-Quran para peserta program secara tafsir dan bertajwid melalui program tasmi' serta memahami isi dan inti pati Al-Quran melalui program tadabbur.

Selain itu tambahnya, ia mampu meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kefahaman ugama yang menjurus kepada fardhu ain dengan mempelajari bab tahariah, wuduk dan solat secara teori juga praktikal.

Majlis kemudian diteruskan dengan pelancaran program

oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Tenaga Akademik, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak

Menyerikan lagi majlis pada pagi itu ialah persembahan simulasi tasmi' Al-Quran oleh Tenaga Akademik KUPU SB (sambilan), Alumni KUPU SB, Awang Khairul Muhtadee bin Hamzah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan Dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Haji Mohd Hussin bin Haji Mohd Salleh.

Bersatu padu mendukung hari tanpa beg plastik



PENGARAH Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit dan Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir bagi merasmikan Kempen Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik di Gerai Ramadhan Belia Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 16 Mac. - Kempen Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik bertujuan untuk mengurangkan penggunaan

plastik sekali guna, khususnya beg plastik dan menanamkan sifat pemeliharaan ke atas alam sekitar dalam kalangan orang

ramai.

Sehubungan itu, majlis perasmian kempen tersebut diadakan petang tadi, di Gerai Ramadhan Belia Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir merasmikan kempen

berkenaan ialah Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit dan Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Majlis perasmian dimulakan

dengan bacaan doa dan diikuti dengan perasmian standing banner Kempen Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik (NPBE+) dan pengagihan beg-beg guna semula kepada para pengunjung gerai.

Kempen kendalian Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Big Begawan Project dan Zero Waste Brunei telah pun dilaksanakan pada 1 Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 12 Mac 2024 Masihi yang lalu dan akan berlutan setiap hari sepanjang bulan Ramadan 1445H.

Kempen ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga di Gerai Ramadhan Belia Stadium Negara Hassanal Bolkiah untuk mempraktikkan amalan hijau dengan tidak menyediakan beg-beg plastik kepada para pengunjung dan sekali gus menggalakkan orang ramai untuk menggunakan beg guna semula.

Di samping itu, orang ramai turut disarankan untuk membawa dan menggunakan barang guna semula yang lain semasa membeli jualah penyukaian.

Kempen ini turut disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam, Takaful Brunei Darussalam, Brunei LNG Sdn. Bhd., Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd., Datastream Digital Sdn. Bhd., Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd., Unified National Network (UNN), Baiduri Bank, Cuckoo International (B) Sdn. Bhd. dan Butra HeidelbergCement Sdn. Bhd.

RAIH FADILAT, KEBERKATAN RAMADAN



RAMADAN merupakan bulan bagi umat Islam untuk meraih pahala dengan ganjarannya yang berlipat ganda.

MUARA, Sabtu, 16 Mac. - Ramadan merupakan bulan bagi umat Islam untuk meraih pahala dengan ganjarannya yang berlipat ganda. Selain fadilat Sembahyang Sunat Tarawih, Tadarus Al-Quran juga merupakan amalan berkebajikan yang seharusnya lebih diperbanyakkan oleh segenap umat Islam sepanjang bulan Al-Mubarak ini.

Di Negara Brunei Darussalam, umat Islam kebiasaannya mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih secara berjemaah di masjid-masjid atau surau-surau

dan tidak kurang juga ada yang mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih secara berseorangan atau berjemaah di rumah kediaman masing-masing pada tiap-tiap malam bulan Ramadan.

Selesai menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih dan Sunat Witir, orang ramai akan mengimarahkan masjid dengan amalan Tadarus Al-Quran. Bertadarus dan Khatam Al-Quran ketika Ramadhan merupakan dua perkara menjadi antara amalan wajib dilakukan bagi diri

sebahagian besar umat Islam apabila masuknya bulan mulia tersebut.

Menghidupkan Ramadan dengan Tadarus Al-Quran merupakan ibadah yang mulia, serta sejalan dengan semangat bulan suci yang juga merupakan bulan Al-Quran dalam Islam.

Tadarus dilakukan secara bersama-sama. Pembacaan mereka dipantau oleh pegawai dan kakitangan masjid demi sama-sama mempraktikkan bacaan yang betul sekali guna inisiatif sebagai mendekatkan diri dengan Al-Quran.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



Al-Quran adalah zikir yang paling agung dan kebanyakan kita akan berlumba untuk khatam pada bulan ini.

Sehubungan itu, Pelita Brunei baru-baru ini berkesempatan untuk membuat pendekatan dan

melihat suasana ketika bertadarus di Masjid Perpindahan Serasa yang turut disertai golongan lelaki, perempuan, remaja dan belia bagi sama-sama mengimarahkan masjid dengan amalan Tadarus Al-Quran.

Berhemah, tidak boros ketika berbuka puasa

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Haifilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Berbuka puasa atau bersungkai bersama ahli-ahli keluarga terdekat, mahupun saudara-mara atau rakan-rakan setentunya menjadi salah satu momen yang paling dinantikan setiap kali tibanya bulan Ramadan.

Bagi mereka yang jarang mempunyai peluang untuk makan bersama ahli keluarga disebabkan oleh kesibukan kerja atau perkara-perkara lain pada bulan-bulan lainnya, inilah masanya untuk kita dapat berkumpul beramai-ramai duduk satu meja menikmati hidangan berbuka puasa bersama keluarga yang sekali gus dapat mengukuhkan lagi hubungan keluargaan.

Seperti lazimnya, selain di rumah, berbuka puasa di luar seperti di

restoran, hotel mahupun gerai turut menjadi pilihan atas faktor kekurangan masa atau kelebihan selepas bekerja.

Pelbagai tawaran hidangan juadah berbuka puasa seperti buffet dengan menu istimewa sama ada di hotel atau restoran akan muncul di pelbagai platform terutamanya di media sosial bagi menarik lebih ramai pelanggan untuk berbuka puasa di restoran mereka. Namun demikian, sama ada kita mahu bersungkai di rumah ataupun di restoran dan sebagainya, itu terpulang kepada keinginan masing-masing.

Sesetengah individu setentunya akan lebih gemar berbuka puasa di rumah oleh sebab lebih selesa memasak sendiri, boleh menjimatkan wang selain dapat menikmati juadah dengan

kesederhanaan dan tidak perlu berebut-rebut.

Manakala berbuka puasa di restoran atau hotel merupakan alternatif lain jika ingin kelainan suasana buka puasa. Ini kerana, kita tidak perlu memasak sendiri dan menu-menu di restoran kadang-kadang berbeza daripada menu berbuka puasa di rumah.

Namun demikian, bila berbuka puasa di luar, kita perlu mengeluarkan bajet tertentu. Tambahan lagi, dengan permintaan yang begitu tinggi untuk berbuka puasa di restoran atau hotel pada bulan Ramadan ini, para pelanggan juga perlu membuat tempahan lebih awal disebabkan tempat duduk adalah terhad.

Bagi Dayang Kaniz AS dari Kampung Bengkurong, beliau lebih memilih untuk bersungkai di rumah bersama keluarga kerana dapat makan secara santai tanpa perlu berebut-rebut dan lebih mudah untuk menunaikan sembahyang Maghrib selepas bersungkai.

Menurutnya, apabila bersungkai di rumah, kita dapat menikmati sepenuhnya suasana itu dan mengeratkan lagi ikatan silaturahim bersama keluarga dan bersungkai di rumah adalah lebih jimat jika dibandingkan bersungkai di kedai atau restoran.

Hal yang sama juga diakui oleh Dayang Asmah dan Dayang Afizah masing-masing dari Kampung Sengkurong dan Jerudong, yang mana bersungkai di rumah lebih selesa dan dijamin bersih kerana kita dapat menyediakan juadah sendiri.



BERBUKA puasa atau bersungkai bersama ahli keluarga terdekat, mahupun saudara-mara atau rakan-rakan setentunya menjadi salah satu momen yang paling dinanti-nantikan setiap kali tibanya bulan Ramadan.

Walaupun bersungkai di rumah hanya makan secara bersederhana berbanding dengan pilihan hidangan yang ditawarkan di restoran / hotel, namun kita akan dapat berjimat cermat dan tidak perlu beratur panjang untuk mengambil hidangan.

Menurut mereka lagi, bersungkai di restoran atau hotel setentunya menjanji kelebihan dengan pelbagai pilihan makanan, namun kita juga perlu bijak untuk memilih menu atau hidangan yang kita benar-benar inginkan, jangan terlalu menurut hawa nafsu sehingga akhirnya akan mengakibatkan pembaziran.

Meskipun kebanyakan orang

lebih memilih untuk bersungkai di rumah, adalah tidak salah juga bagi kita untuk sekali sekala membawa keluarga berbelanja sungkai di luar dan mencuba suasana dan menu yang berlainan.

Apa jua pilihan, itu adalah hak masing-masing. Cuma diingatkan agar kita tidak boros dalam berbelanja terutamanya dari segi hidangan bersungkai. Agama Islam menggalakkan umatnya untuk sentiasa bersederhana dalam semua hal dan mlarang pembaziran. Semoga bulan Ramadan ini mengajak kita ke arah sesuatu yang lebih positif dan menjadikan kita ke arah yang lebih baik.

DEKATKAN DIRI DENGAN AMALAN MEMBACA AL-QURAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Mac. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) meneruskan lagi Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan 1445H bagi ahli-ahli persatuan yang bergabung di bawahnya dan pada kali ini ia dihoskan oleh Jawatankuasa Wanita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB).

Kira-kira 80 ahli daripada 13 buah persatuan di bawah MWNBD menyertai Majlis Tadarus Juz 5 berkenaan yang diadakan di Dewan PGGMB, Bangunan Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB), di ibu negara.

Pengarah Wanita PGGMB Sesi 2023 - 2024, Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar dalam ucapannya bagi pihak PGGMB selaku tuan rumah antara lain menjelaskan, penglibatan Ahli Jawatankuasa Kerja (AJK) Wanita PGGMB dalam pengendalian acara-acara keagamaan bukan hanya tertumpu kepada aktiviti yang dianjurkan oleh PGGMB sendiri malahan juga membantu MWNBD untuk mengungkayahkan pelbagai aktiviti sepanjang tahun selaku Jawatankuasa Bahagian



MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan 1445H bagi ahli-ahli persatuan yang bergabung di bawahnya.

Keagamaan.

InsyaaAllah Majlis Tadarus pada bulan Ramadan ini jelas beliau, akan diteruskan lagi oleh beberapa persatuan di bawah payung MWNBD dan akan ditutup dengan Majlis Khatam Al-Quran yang dijadualkan akan diadakan pada 31 Mac ini.

Acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha diketuai oleh

Naib Yang Di-Pertua I, MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat dan seterusnya bacaan Sayyidul Istighfar dan doa memulakan bacaan Al-Quran dan kemudiannya bacaan Tadarus Juz 5 oleh ahli-ahli persatuan di bawah MWNBD.

Hadir selaku pentasmik bacaan ialah Dayang Hajah Halimah binti

Yaakub.

Majlis juga diisikan dengan bacaan Tahlil dan Doa Tahlil yang dipimpin oleh Pengiran Hajah Rakiah, diikuti dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Hajah Jusnani binti Haji Awang Taha.

Selain bagi menyemarakkan bulan suci Ramadan, acara tahunan yang

diungkayahkan secara bergilir-gilir oleh persatuan-persatuan di bawah MWNBD berkenaan juga bertujuan bagi mendekatkan diri dengan Al-Quran dan meningkatkan lagi hubungan silaturahim di antara semua persatuan yang bergabung dengan MWNBD dalam menanamkan sifat sabar dan saling menghormati antara satu sama lain.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Kementerian Kesehatan
MINISTRY OF HEALTH



Berita dan Foto : Aimi Sani

ANGGEREK DESA, Ahad, 17 Mac. - Kegiatan penyerahan sumbangan makanan asasi kepada ahli keluarga kurang berkemampuan bulan Ramadan yang mulia ini.

Penyerahan yang dijalankan secara pandu lalu itu adalah bertujuan untuk berbagi keberkatan bulan Ramadan Al-Mubarak dan

Titian Kasih Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) yang diusahakan bersempena kehadiran bulan Ramadan yang mulia ini.

untuk berkongsi kebahagiaan dan kegembiraan bersama masyarakat yang memerlukan bantuan di samping mendedahkan ahli-ahli kepada budaya berkhidmat untuk masyarakat, terutamanya kepada yang memerlukan bantuan serta sumbangan.

Selain itu, pada masa yang sama untuk memupuk dan memantapkan sifat-sifat jati diri, disiplin dan semangat kerja berpasukan melalui projek juga aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh persatuan.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mendidik ahli-ahli muda supaya sentiasa bersiap sedia untuk berbakti kepada masyarakat, ugama, bangsa dan negara bersesuaian dengan cogan kata Pandu Puteri, iaitu 'Siap Sedia' serta mengukuhkan lagi hubungan silaturahim dan meningkatkan perasaan muhibah dalam kalangan ahli-ahli persatuan.

Sebanyak 15 buah keluarga yang memerlukan bantuan menerima sumbangan makanan

asasi antara lain berupa beras, minyak masak, garam, gula, susu dan makanan dalam tin daripada ahli-ahli persatuan bagi membantu meringankan beban mereka.

Keluarga yang menerima sumbangan berkenaan adalah berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Penyerahan sumbangan berkenaan dipimpin oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Berkongsi kegembiraan dengan golongan memerlukan



PERSATUAN Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) semasa menyerahkan sumbangan makanan asasi kepada ahli keluarga kurang berkemampuan yang dijalankan secara pandu lalu (atas dan kiri).

PEWAJA ADAKAN PEMBUKAAN TADARUS AL-QURAN



PERSATUAN Wanita Kampung Junjongan (PEWAJA) mengadakan Majlis Pembukaan Bertadarus bagi Persatuan PEWAJA bertempat di Kediaman Ahli PEWAJA, di Kampung Junjongan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

JUNJONGAN, Ahad, 17 Mac. - Bersempena menyambut bulan Ramadan, Persatuan Wanita Kampung Junjongan (PEWAJA) petang tadi mengadakan Majlis Pembukaan Bertadarus bagi Persatuan PEWAJA bertempat di Kediaman Ahli PEWAJA, di Kampung Junjongan.

Seramai 60 Ahli PEWAJA menyertai majlis berkenaan yang dipimpin oleh Pengurus PEWAJA, Dayang Haslienahwati binti Yusof.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Kampung Junjongan, Awang Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang selaku Penasihat PEWAJA.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan PEWAJA, di samping mendekatkan diri dengan

memperbanyak pembacaan Al-Quran serta mengerakkan silaturahim dalam kalangan para ahli PEWAJA.

Selain majlis ini, PEWAJA dengan kerjasama Majlis Wanita Brunei Darussalam atau Majlis Perundingan Kampung Junjongan atau secara persendirian turut melaksanakan aktiviti lainnya seperti Sambutan Ramah Mesra Hari Raya, Sukan Ria PEWAJA, Rasul, aktiviti bergotong-royong dan

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA


 Kementerian Kesihatan
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

TIPS

- 1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam sambal dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN		
1385 mg	1000 mg	880 mg
1 bungkus Mee Segura	Setuju Telur Masin	1 sudu makan Kicap
376 mg	295 mg	243 mg
3 sudu makan Corned Beef	1 bungkus Recl Keropok Ubi Kentang	3 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan
120 mg	116 mg	15 mg
3 cawan Kentang Goreng	Segenggam Kacang Tanah (Salted)	3 keping Kraker Beras
2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg
1/2 cawan Amping	Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)	Sebijik ukuran sederahan Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghadapi penyakit jantung dan strok.



[Apkdown](#)



[Talian Darulawam 123](#)

membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam, Majlis Berdikir ke rumah Ahli-ahli PEWAJA sempena Sambutan Maulidur Rasul, aktiviti bergotong-royong dan kemasyarakatan serta memberikan sumbangan derma dan barang asasi kepada anak-anak yatim dan warga emas PEWAJA setiap kali bulan Ramadan.

Sumbangan derma WBC ringankan beban golongan memerlukan



NAIB Yang Di-Pertua WBC, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan pada penerima yang berlangsung di Dewan Bankuet, Coconut Bay Lodge, Jalan Beribi (atas dan atas kanan).

Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

BERIBI, Ahad, 17 Mac. - Majlis Perniagaan Wanita (WBC) petang tadi mengadakan Sungkai dan Infak

Keluarga Asnaf yang berlangsung di Dewan Bankuet, Coconut Bay Lodge, Jalan Beribi, di sini.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan ialah Naib Yang Di-Pertua WBC, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia.



Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan aluan daripada Naib Yang Di-Pertua WBC yang antara lain menjelaskan ini adalah kali pertama WBC mengadakan acara menyungkaikan sekali gus menyampaikan sumbangan, yang pada tahun sebelumnya hanya mengadakan majlis penyampaian sumbangan.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian

sumbangan makanan asasi kepada 25 orang yang terdiri daripada golongan anak yatim, ibu-ibu tunggal dan keluarga asraf, ini diikuti dengan penyampaian sampul surat hari raya kepada anak-anak yatim.

WBC berharap semoga dengan berkat sumbangan ahli-ahli badan tersebut nanti sedikit sebanyak akan memeriahkan lagi suasana hari raya yang akan datang.

16 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN DERMA



PEMANGKU Penghulu Mukim Mentiri, Awang A. Hamidun bin Mohd. Daud semasa hadir bagi menyempurnakan penyampaian berkenaan (atas). Sementara gambar kanan, sekitar suasana majlis berkenaan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Mac. - Ganjaran pahala berlipat ganda pada bulan Ramadan Al-Kareem terus diraih dengan aktiviti dan amalan berkebajikan antaranya bersedekah kepada anak-anak yatim dan lainnya.

Justeru itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Kawasan 2, Mentiri hari ini mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah, dan diselajurkan dengan

penyampaian derma kepada anak-anak yatim bagi penduduk kampung berkenaan.

Seramai 16 anak yatim dari kawasan berkenaan menerima sumbangan derma dan juga barang lain.

Hadir menyempurnakan penyampaian berkenaan, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang A. Hamidun bin Mohd. Daud.

Bacaan Tahlil dan doa dipimpin



oleh pelapis Imam Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Awang Ruzaini bin Rozey.

Adapun jumlah perumahan di bawah Kawasan 2 adalah sebanyak 790 unit rumah mengikut pecahan-pecahan yang telah ditentukan.

Dengan adanya acara seumpama berkenaan akan dapat menjalin ukhuwah yang lebih utuh dan mesra antara pemimpin dan anak-anak buah kampung selain menitikberatkan amalan mulia dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

سورو هنجای قر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN
Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn

KOTIBA ringankan beban anak yatim



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Ahad, 17 Mac. - menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma anjuran Koperasi Persatuan TIBA

PENGURUSI KOTIBA, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso semasa menyampaikan sumbangan derma kepada penerima.

(KOTIBA) yang diadakan di Masjid Kampung Salambigar.

Anak-anak yatim berkenaan terdiri daripada penduduk Kampung Tanah Jambu, Kampung Salar, Kampung Salambigar, Kampung Sungai Hanching, Kampung Sungai Tilong dan Kampung Manggis.

Sumbangan derma disampaikan oleh Pengurus KOTIBA, Awang

Haji Matassan bin Haji Bungso.

Majlis penyampaian derma kepada anak-anak yatim itu merupakan salah satu aktiviti muhibah tahunan yang dikendalikan oleh KOTIBA dengan Tanggungan Berhad bagi sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan dan Syawal yang bakal tiba dengan penuh rahmat, dan mengharap keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu, KOTIBA mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah bagi ahli-ahli persatuan yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Ahli Lembaga KOTIBA, Awang Haji Abdullah bin Lakim; disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Salambigar, Makhadzir bin Haji Ahmad.

Acara diselajurkan dengan Penyampaian Derma Bantuan, Majlis Tadarus kepada tiga buah masjid iaitu Masjid Kampung Salambigar, Masjid Kampung Tanah Jambu dan Masjid Kampung Sungai Hanching, yang turut disempurnakan oleh Pengurus KOTIBA.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Sarabani bin Haji Bakir; Ketua Kampung Manggis, Awang Omar bin Haji Mohd Alli; Ketua Kampung Sungai Tilong, Pengiran Haji Ruzaini bin Pengiran Haji Shahbuddin; Ketua Kampung Salambigar / Sungai Hanching, Awang Haji Abdul Rahman bin Safar; Ahli-ahli Lembaga KOTIBA dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Salambigar.



SEKITAR Majlis Penyampaian Derma anjuran Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) yang diadakan di Masjid Kampung Salambigar.



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas II, III, IV atau V

Kategori KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :
18 Mac 2024 (Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil :
9 April 2024 (Selasa)

Dokumen Tawaran Tarikh Tutup Pada :

16 April, 2024 (Selasa)
Sebelum Jam : 2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T002 / 2024
Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pemeliharaan Lanskap Di Jambatan Pekan Bangar (Fasa 2), Daerah Temburong.

No. Projek :
JASTRE / BL / T002 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas II, III, IV atau V

Kategori KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :
18 Mac 2024 (Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil :
9 April 2024 (Selasa)

Dokumen Tawaran Tarikh Tutup Pada :

16 April, 2024 (Selasa)
Sebelum Jam : 2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T003 / 2024
Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pemeliharaan Lanskap Di Waterfront Pekan Bangar, Daerah Temburong.

No. Projek :
JASTRE / BL / T003 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)



UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,
DIVISYEN PENGURUSAN
KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Notis Sebut Harga

1. Bil. Sebut Harga :

KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q01
Invitation To Supply And Delivery
Of 'HP' Printer Printing Toner
Cartridges
For Ministry Of Development

2. Bil. Sebut Harga :

KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q02
Invitation To Supply, Delivery,
Installation, Relocation, Checking
And Testing
Of Data Point Cat.6 Cabling
For ABCi Building, Ministry Of
Development.

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen
Sebut harga:

BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:

Isnin, 18 Mac 2024

Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:

Rabu, 27 Mac 2024

Tarikh Tutup:

Isnin, 1 April 2024
Jam : Sebelum
9.00 Pagi



MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian

Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Saman No. :

BM / MRS / P012A / P012A / 0929
/ 11-2023

Kes Induk :

BM / MRS / MAL-B / MAL-B /
S010A / 0717 / 08-2023

Antara

Imas Masharah binti Bohasan
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Haji Awang Damit bin Haji Tahir
- Defendan / Responden

Kepada : Haji Awang Damit
bin Haji Tahir - No. Kad Pintar
: 50-689126 (Hijau), Beralamat
(Alamat Terakhir) : 0622 Kampung
Segumau 87027 Labuan, Wilayah

Persekutuan Labuan, Malaysia.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara pada Selasa, 15 Ramadan 1445H bersamaan 26 Mac 2024M pada jam 11.00 Pagi untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfaiklan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
20 Rejab1445H
/ 1 Februari 2024M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam

Field (Padang Kawad) HBNSC

Bilangan Tawaran :
(27)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Trees And Wild Bushes Cutting
And Trimming At
Hassanal Bolkiah National Sports
Complex

Bilangan Tawaran :
(36)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Peralatan Logistic Pembelian Piala,
Pingat-Pingat, Drop Banner
Dan Bib Number Kejohanan Skim
Olahraga Antara
Skim-Skim Jabatan Belia dan
Sukan Pada 21 Hingga 23 Jun
2024

Bilangan Tawaran :
(21)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Jamuan Makan Dan Minuman AJK
Teknikal & Medical
Kejohanan Skim Olahraga Pada 21
Hingga 23 Jun 2024

Bilangan Tawaran :
(24)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Building Term Maintenance For A
Period Of Twenty-Four (24) Months
For Games Village And Marchings



Jabatan Perpendaharaan
Kementerian Kewangan &
Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JKKK / JKSH2324-QTN.12 / ADM

Tajuk Tawaran :

Membekalkan Pelbagai Ink, Toner
Dan Cartridge Bagi Jabatan
Perpendaharaan.

Bilangan Tawaran :
JKKK / JKSH2324-QTN.13 / ADM

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Pelbagai Alat Tulis
Dan Perkakas Bagi Jabatan
Perpendaharaan.

Tarikh Tutup / Jam :
Sabtu,
30 Mac 2024 - 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran :
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perpendaharaan
Tingkat 2,





1. JDBM / SH / NASI BERPEK / K / 01 / 2024

Tawaran :

Menyediakan Nasi Berpek (Ayam / Daging Dan Sayur) Atau Mee Dan Ayam Goreng Berserta Air Minuman Botol Kecil Bagi Latihan Dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara

2. JDBM / SH / KUEH BERPEK / K / 02 / 2024

Tawaran:

Menyediakan / Membekalkan 3 Jenis Kuih Berserta 1 Botol Kecil Air Putih Dan 1 Kotak Minuman Manis Semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara

3. JDBM / SH / BUFFET / K / 03 / 2024

Tawaran:

Menyediakan / Membekalkan Jamuan Berserta Minuman Panas/Minuman Botol Semasa Latihan Dan Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Dengan Rakyat Dan Penduduk



Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut :

Jawatan:
Profesor (PT5 / PT5A) / Profesor Madya (PT4) / Penolong Kanan Profesor (PT3) / Penolong Profesor (PT2/2A) / Pensyarah (PT1A) / Penolong Pensyarah (PT1)

Tangga Gaji:
 PT5 (BND8,000 - BND8,210)
 PT5A (BND9,500 - BND9,750 - BND10,000) sebulan;
 PT4 (BND6,800 - BND7,010) sebulan;
 PT3 (BND5,900 - BND6,110) sebulan;
 PT2A (BND4,480 - BND5,610) sebulan;
 PT2 (BND3,880 - BND4,960) sebulan;

Daerah Brunei Dan Muara (Bagi Petugas-Petugas Dan Ahli-Ahli Jawatankuasa)

4. JDBM / SH / BUFFET / K / 04 / 2024

Tawaran:

Menyediakan / Membekalkan Jamuan Secara Dome Berserta Minuman Panas Dan Air Mineral Semasa Latihan Dan Semasa Persiapan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara, Bandar Seri Begawan – Dewan Persantapan Lapau (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP Dan Jemputan Khas Dalam Dewan (Served)) –300 Orang

5. JDBM / SH / BUFFET / K / 05 / 2024

Tawaran:

Membekalkan Dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara, Bandar Seri Begawan – Dewan Persantapan Lapau (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP Dan Jemputan Khas Luar Dewan (Served)) –280 Orang

6. JDBM / SH / BUFFET / K / 06 / 2024

Tawaran:

Membekalkan Dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara, Bandar Seri Begawan – Bertempat Di Bangunan Sekretariat Jabatan Perdana Menteri (Minuman Pagi (Refreshment) Bagi Vvip) –130 Orang

7. JDBM / SH / BUFFET / K / 07 / 2024

PT1A (BND3,190 - BND4,240) sebulan;
 PT1 (BND2,905 - BND3,000 - BND3,095 - BND3,190) sebulan

**Kemudahan Elaun:
Elaun-Elaun Akademik:**

Profesor: BND800.00 sebulan
Profesor Madya: BND500.00 sebulan

Penolong Kanan Profesor: BND300.00 sebulan
Penolong Profesor : BND250.00 sebulan

Pensyarah : BND200.00 sebulan

Penolong Pensyarah : BND150.00 sebulan

Bidang :

Qiraat / Aqidah / Dakwah / Tafsir / Hadith / Perbandingan Agama (Comparative Religion) / Law / Shariah / Ta'lim Lughah Al-Arabiyyah (Teaching Arabic As A Second Language) / Bahasa Arab (Arabic Language) / Kesusasteraan Arab (Arabic Literature) / Terjemahan (Translation) / Accounting / Melayu Islam Beraja / Business Management / Islamic Finance/ Economics / Islamic History & Civil / Leadership & Management / Development Management / Islamic Governance / Halal Law / Halal Management / Halal Sciences / Technology

Tawaran:
 Membekalkan Dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Bersama Rakyat

Duli Dan Ramah Mesra Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara (Ketua-Ketua Jabatan, Penghulu-Penghulu Dan Ketua-Ketua Kampong Serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi) – 200 Orang

11. JDBM / SH / BUFFET / K / 11 / 2024

Tawaran:

Membekalkan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara, Bandar Seri Begawan – Dewan Persantapan Lapau (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP Dan Jemputan Khas Dalam Dewan (Served)) –300 Orang

8. JDBM / SH / BUFFET / K / 08 / 2024

Tawaran:

Membekalkan Dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Bersama Rakyat

Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara, Bandar Seri Begawan – Dewan Persantapan Lapau (Santap Tengah Hari (Lunch) Untuk VIP Dan Jemputan Khas Luar Dewan (Served)) –280 Orang

9. JDBM / SH / BUFFET / K / 09 / 2024

Tawaran:

Membekalkan Dan Menyediakan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Dan Ramah Mesra Bersama Rakyat

Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Brunei Dan Muara, Bandar Seri Begawan – Untuk Para Jemputan Di Kem Khas (Dome Services) –2,500 Orang

10. JDBM / SH / BUFFET / K / 10 / 2024

Tawaran:

Membekalkan Jamuan Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar



Bil. Tawaran :
 UBD / E8 / 001 / 2024 – (T)

Keterangan :
 Tawaran Bagi Penyewaan Unit-Unit Ruang 'Food Court' (Kaunter No.5) Di Bangunan Hal-Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Tawaran:
 Bayaran Dokumen & Pentadbiran (termasuk e-Dokumen) BND15.00 [Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran:
 Selasa, 2 April 2024.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBungi :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.
RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.
IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



OPERASI KABAT DAPATI BEBERAPA KESALAHAN IMIGRESEN

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan dua operasi penguatkuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang mana menyasarkan beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Kabat 33/2024 dilaksanakan oleh Bahagian

Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan, manakala itu Operasi Kabat 34/2024 pula dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait.

Operasi Kabat 33/2024 dengan sasaran lokasi di hadapan sebuah kedai di Mukim Pengkalan Batu, semasa pemeriksaan dijalankan ke atas tiga orang warganegara asing

yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut, yang mana dua orang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Sementara itu, seorang lagi daripadanya dibawa dan ditahan kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15 (1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah pas imigresen mansuh.

Operasi Kabat 34/2024 dengan sasaran lokasinya di Projek Pengubahsuaian Rumah di Mukim Kuala Belait, dua orang warganegara asing telah pun diperiksa dan kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut, yang mana seorang individu dipercayai melanggar Peraturan 15 (2), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala itu, seorang lagi daripadanya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang kerana melanggar Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu mengambil pekerja tanpa pengetahuan majikan asal.

Selain daripada itu, JIPK turut mengongsikan satu pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu Harun Miah, lelaki berumur 32 tahun, warganegara Bangladesh, telah



JIPK telah melaksanakan dua operasi penguatkuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang mana menyasarkan beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam (kiri dan atas kiri).

pun dijatuhi hukuman penjaran selama lima bulan dan tiga kali sebanyak kesalahan di bawah Bab 15 (1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah pas imigresen mansuh.

Pendakwaan dibuat di hadapan Magistrate Syaffina binti Shahif dan dijalankan oleh pegawai pendakwa JIPK, Mohammad Zul Azri bin Haji Ranee. Kes berkenaan adalah susulan daripada Operasi Kabat

29/2024 yang telah dijalankan oleh JIPK sebelum ini di Bangunan Kompleks Delima di Mukim Berakas.

Bagi sebarang maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



Kanser Kolorektal



Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki 

Wanita 

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- ✗ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- ✗ Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Pernah menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Berat badan yang berlebihan.
- ✗ Merokok.
- ✗ Tidak aktif.
- ✗ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- ✗ Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- ✗ Tidak merokok.
- ✗ Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- ✗ Elakkan meminum minuman keras.

Tanda-tanda kanser kolorektal:



- ✗ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✗ Darah dalam najis.
- ✗ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✗ Kembung perut.
- ✗ Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Salah seorang dalam setiap lima orang

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn

Tips Pendidikan



5 tip kekal bertenaga ketika bulan Ramadan





5 tip kekal bertenaga ketika bulan Ramadan

- Sentiasa bangun sahur untuk membekalkan tenaga bagi membolehkan pelajar melakukan rutin harian dengan produktif tanpa berasa letih atau lesu. Dengan mengambil makanan tinggi protein dan amalkan diet seimbang supaya boleh memberikan tenaga.
- Minum air yang mencukupi untuk menjaga kesihatan dan mengelakkan dehidrasi.
- Bangun awal pagi bagi membantu pelajar untuk sentiasa aktif sepanjang hari
- Atur jadual belajar agar dapat menguruskan masa lebih berkesan dan efisien, serta memastikan tugas sekolah selesai.
- Membaca buku adalah satu aktiviti yang sangat bermanfaat kepada pelajar terutama semasa bulan Ramadan. Ini dapat meningkatkan daya fikiran dan kreativiti.

UNISSA SERTAI UMMATIC FESTIVAL 3.0

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Seramai tiga mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengikuti Program Mobilisasi Mahasiswa Antarabangsa dalam Ummatic Festival 3.0 yang berlangsung di Masjid Muhammad Al-Fateh, Ipoh, Perak, Malaysia pada 4 hingga 11 Mac yang lalu.

Antara objektif program tersebut ialah mengimarahkan masjid sebagai pusat ibadah umat Islam dan melahirkan lagi rasa kecintaan terhadap masjid sebagai pusat pengembangan ilmu serta peradaban ummah. Selain itu, ia juga berobjektif untuk memupuk perpaduan dan ikatan ukhuwah, saling kenal-mengenali serta hormat-menghormati.

Program Mobilisasi Mahasiswa

Antarabangsa dalam Ummatic Festival 3.0 juga bertujuan untuk menjadikan masjid sebagai One Stop Centre dan rangkaian strategik dakwah khususnya dalam kalangan ummah.

Seramai 150 peserta dari pelbagai negara termasuk Negara Brunei Darussalam, Turkiye, Singapura, Thailand, Indonesia, Kemboja dan Malaysia menyertai program tersebut.

Antara pengisian program tersebut ialah dakwah dan pembangunan ummah; pendidikan dan kerjaya; kesihatan dan kesejahteraan ekonomi serta menyentuh mengenai hal ehwal kepenggunaan pembinaan generasi belia dan belianwas rakan strategik serta NGOs hal ehwal wanita dan kekeluargaan.



SERAMAI tiga mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengikuti Program Mobilisasi Mahasiswa Antarabangsa dalam Ummatic Festival 3.0 yang berlangsung di Masjid Muhammad Al-Fateh, Ipoh, Perak, Malaysia pada 4 hingga 11 Mac.



Siaran Akhbar dan Foto : Badan Kebajikan Saudara-saudara Baharu Kampung Kiudang, Mungkom, Tutong

TUTONG, Sabtu, 16 Mac. - Badan Kebajikan Saudara-saudara Baharu Kampung Kiudang, Mungkom, Tutong (BASKIM) telah menganjurkan Aktiviti Bertadarus Rumah Ke Rumah bersempena dengan bulan Ramadan 1445H / 2024M bermula di rumah pertama di kediaman Penasihat BASKIM, Awang Haji Umarali bin Esung.

Lebih 90 orang menghadiri acara tersebut yang merupakan aktiviti tahunan persatuan berkenaan dan kebanyakan yang ikut serta terdiri

BASKIM anjur bertadarus rumah ke rumah

BADAN KEBAJIKAN SAUDARA-SAUDARA BAHRU KAMPUNG KIUDANG, MUNGKOM, TUTONG (BASKIM) menganjurkan Aktiviti Bertadarus Rumah Ke Rumah bersempena dengan bulan Ramadan 1445H / 2024M dan diselajurkan dengan pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kanan dan kiri).

dalam kalangan saudara-saudara baharu dan penduduk Kampung Kiudang serta sekitarnya.

Majlis juga diselajuri dengan penyampaian sumbangan daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHIB) berupa wang bagi perbelanjaan aktiviti BASKIM dan juga diselajurkan dengan pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Setiausaha BASKIM, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali, aktiviti ini merupakan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah Daerah Tutong dan pada tahun ini



jugak sebanyak lima buah rumah ikut serta dalam Aktiviti Bertadarus Rumah ke Rumah. Majlis Khatam Al-Quran BASKIM akan diadakan pada 5 April 2024 nanti.

Amalan tradisi yang sudah lama diperlakukan itu bukan sahaja boleh mencapai kesepakatan dan perpaduan malah mendapat

rahmat dan berkah terutama pada bulan puasa yang terdapat di dalam ganjaran pahala berlipat ganda. Turut diadakan, bacaan Tahlil dan Doa Arwah, bersungkai diikuti dengan menuai Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah serta Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir.



PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahkan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahkan
(Sijil berhenti Sekolah)



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRIAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif




BARU

CUBAAN MEMBAWA MASUK BARANG TEGAHAN DIPATAHKAN



SEJUMLAH 550 tin minuman keras berbagai jenama berhasil ditemukan semasa Operasi Rondaan Teluk (atas dan atas kanan).



■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Mac. - Satu cubaan membawa masuk barang tegahan melalui perairan telah berjaya dipatahkan hasil gerakan Operasi Sepadu Agensi Penguatkuasa Undang-undang di negara ini pada awal pagi Khamis lalu.

Operasi Rondaan Teluk kali ini melibatkan agensi dari Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) serta Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan tumpuan operasi di

kawasan perairan Teluk Brunei.

Semasa operasi tersebut, pasukan operasi telah berjaya mengesan dan seterusnya memintas sebuah perahu yang mencurigakan dengan tiga individu semasa sedang melalui kawasan perairan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Setelah menyedari akan kehadiran pihak penguat kuasa, perahu tersebut memecut laju dan semasa kejadian kejar mengejar berlaku, suspek bertindak dengan membuang beberapa muatan dalam perahu ke dalam air untuk

mengelak dari ditahan oleh pihak berkuasa. Perahu suspek telah melarikan diri ke sempadan negara jiran.

Usaha mencari barang tegahan yang dibuang telah berhasil menemukan sejumlah 550 tin minuman keras berbagai jenama. Semua barang tegahan diserahkan kepada JKED untuk tindakan selanjutnya.

Operasi seperti ini adalah usaha berterusan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di negara ini dalam misi membanteras dan membendung kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini.

Pantau kebijakan pekerja, patuhi Perintah Pekerjaan 2009

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Kuala Belait semasa mengendalikan Operasi Siaga 49/2024 (atas dan kanan).

BELAIT, Sabtu, 16 Mac. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Kuala Belait telah mengendalikan Operasi Siaga 49/2024 di dua kawasan

pada 7 Mac 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah

dijalankan di kawasan Kampung Mumong, Kuala Belait telah mendapat sebanyak lima kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 63 Gagal memberikan cuti rehat, Bab 64 Gagal memberikan hari rehat, Bab 67 Melebihi jam bekerja kerja syif yang telah ditetapkan, Bab 70 Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan, dan Bab 71 Gagal memberikan cuti tahunan.

Bagi kesalahan tersebut, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.


Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



سوروهنجای فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?



Layari www.reruitment.gov.bn
dan semak "Kalendar Saya"

+673 7371961 | [PSC.BN](https://www.facebook.com/PSC.BN) | query@spa.gov.bn



سرداله سري

منفعتکن رمضان دعن عبادة

منجادی فندوروغ کھد کیت اونتوق ملاکوکن عبادة يع سام دبولن-بولن يع لاین.

جوسترو، بولن رمضان این اداله کسمقتن يع ترباپیک باکی کیت اونتوق مقریاپیکی دیری دری سودوت عبادة دان تقرب کیت کھد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، سفتری مغراکن اف يع دفریتهکن دان منیشکلکن سکل اف يع دلارغ. اداله منجادی کروکین جك سکریان دبولن این کیت هاش سقدر برقواس دسیاغ هاری، تناپی کیت ملقسکن فلواغ اونتوق مقریاپیکی دیری، منیشکتکن عمالن، همیاساکن دیری دعن صدقه دان ساومقمان.

جماعه يع درجمی الله،

سسوغکوکن بولن رمضان این اداله بولن إیستیمیوا کران قڈ بولن این دبوراکن قیتو-قیتو شرک، دتوتوف قیتو-قیتو نراك دان شیطان دبلغکر. جوسترو، سپاکی همبا الله يع سریغ ملاکوکن کسیلافن دان کخیلفن، جاغله کیت ملقسکن فلواغ بولن يع ملیا این اونتوق موهون کامشوون درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى داتس سکل دوسا دان کسالهن يع تله کیت لاکوکن، دان موهون کھد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سوقای دجاوهکن کیت دری عذاب افی نراك.

ماک دالم کسمقتن کیت برادا دبولن رمضان این، ماریله کیت إستقامه دالم برعبادة کھد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. جاغنه کیت هاش راجین برعبادة داول-اول میشکو رمضان سفتری سمیهیغ بر جامعه دمسجد، سمیهیغ سنة تراویح دان وتر، مباج القرآن دان لاین-لاین، اکن تناپی مولا برکورعن داخير-آخر میشکو بولن رمضان. سواسان سفتری ایتلہ يع قرلو کیت اوپه، کران رمضان يع دانع این هاش سکالی دالم ستاهون.

جماعه يع درجمی الله،

دادالم بولن رمضان این، ماریله کیت ملازیکن دیری کیت دعن مقریاپیکن مباج القرآن، برصادقه، برذکر دان سپاکین. اف يع فتنیع، کیت هندقله منافکن فراسان إخلاص سمات-مات اونتوق مرایه ریضاء الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، موده-مودهن دعن کلاخاصلن کیت ملاکوکن عبادة دان عمل کیاجیجن ایت اکن منادفت بالسن يع سیتمقل درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

آخرین ماریله کیت براؤسها مقریتکن عمل عبادة کیت دستفتحع بولن رمضان این، دان برعمز اکر عمالن يع کیت کرجاکن دبولن این اکن برتروسن دبولن-بولن يع لاین. کیت جوک بردعاء سموک کیت ترکولوغ دکالغن اورغ-اورغ يع لخلاص دالم نمیوات عمل کیاجیجن دان سکل عمالن کیت دتریعا اولیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمین يا رب العالمين.

قد حال مریک تیدق دفریتهکن ملاینکن اونتوق مهیمه الله دعن مغایخلصلنکن عبادة کھدن سمات-مات لاکی تتف بردری تکوه ائس داسر توحید دان مندیریکن سمیهیغ سرت مبایر زکاة. دان يع دمکن ایتلہ اکام يع لوروس. { سوره البیتہ آیة : ٥ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَّاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ تَلَاقِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوكُمْ فِي فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانِجَاهَ التَّائِبِينَ.

جماعه يع درجمی الله،
برتقوی له کیت کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منیشکتکن کلاغان کھدلن.

سسوغکوکن اورغ يع فالیع ملیا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَی ایاله اورغ يع فالیع برتقوی. موده-مودهن کیت منجادی إنسان يع سنتیاس مغایعی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَی، براوله کجیان دان کسلامن دنیا دان جوک داخیره.

جماعه يع درجمی الله،
الحمدللہ، کیت برشکور کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَی کران دیری فلواغ اونتوق برثرو لاکی دعن بولن رمضان، بولن يع قبوه کیرکن، بولن کامقون دان رحمة درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَی.

دبولن این، کیت برفلواغ ملیقتکنداکن عمل عبادة سام اد عمالن-عمالن فرض ما هوون سنة. ألغکه برأونتوعن اورغ يع مربوت فلواغ اونتوق منادفتکن کنجارن فهلا يع دجنجیکن اولیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَی دبولن رمضان دان امت روکیله باکی اورغ-اورغ يع منسیا-سیاکنن.

درقد أبو هریرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسبیدا يع برمقصود:
ستیاف عمالن کبایکن يع دلاکوکن اولیه انق آدم اکن دلیقتکنداکن دعن سقوله کبایکن هیشك توجوه راتوس کالی کندا. الله عَزَّوجَلَ برفرمان يع تفسیرن: کحوالی عمالن فواس. عمالن فواس ترسیوت اداله اونتوقکو، اکو سنديری يع اکن میالسن. دسیسکن دی تله منیشکلکن شهواه دان ماکن کرانکو. باکی اورغ يع برقواس اکن منادفتکن دوا کبهکیان یایت کیک دی بربوکا دان کتیک بر جومقا دعن توھن. سسوغکوکن باو مولوت اورغ يع برقواس اداله لیه هاروم دسیسی الله درقد باو کستوري. {حدیث روایة إمام مسلم}

سسوغکوکن عبادة فواس مغوبیای حکمه دان رهسیا يع ترسنديری،
انتاران ایاله:

فرتام: ملاتیه دیری منجادی همبا يع برشکور. این کران سماس بربوکا فواس، فراسان شکور فستی اکن تربیت داالم جیوا اومت إسلام يع تله بر جای مغهار و غی فواس دسیاغ هاری، دان جوک کتیک منعمعی رزقی يع دکورنیاکن اولیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَی یایت بروقا جواده بربوکا.

کدوا: ملاتیه دیری منجادی همبا يع صیر. دعن برقواس سنتنون اکن ملاتیه دیری کیت منجادی اورغ يع صیر. این کران دوکان کتیک منحالی عبادة فواس ایت ترالالو بایق. سپاکی جونتوه کیت بر صیر اونتوق مناهن دیری کیت دری ماکن دان مینوم دسیاغ هاری دبولن رمضان. موغکین اد سبیلغن اورغ يع براس دیرین تیدق تاهن کتیک دبولن رمضان، تناپی کران تقوی کھد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَی له يع منجادیکن سساؤرغ ایت بر جای دان مغفو بر صیر منوکو سهیشك و قتو بربوکا. اینله کهیین فواس دمان فواس ایت دافت مینتوق هاتی مانسی اونتوق منجادی اورغ يع لبیه صیر.

کتیک: ملاتیه دیری اونتوق منجادی همبا يع طاعة بر عبادة. این کران بولن رمضان اداله بولن دمان اومت إسلام لبیه منمقوکن فرهاتین مریک مغراکن عبادة بریندیغ دعن اوروسن-اوروسن لاین. دالم بولن اینله اومت إسلام اکن لبیه إستقامه بر جامعه دمسجد، مباج القرآن، براعتكاف، قیام اللیل دان لاین-لاین لاکی. سنتنون عبادة يع کیت لاکوکن داالم بولن این اکن

IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN daripada para ibu bapa dan penjaga tidak melepaskan peluang merakamkan gambar sempena Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong. - Foto : Azmah Haji Ahad.

ANTARA peserta yang menyertai Ekspedisi Kayak Belia HK#40 yang dilaksanakan dengan kerjasama antara PPB, Outward Bound Brunei Darussalam, Jabatan Belia dan Sukan dan Persatuan CARE adalah bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



ANTARA yang hadir pada Majlis Semarak Hari Kebangsaan bersempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

INISIATIF Tanpa Beg Plastik di gerai-gerai Ramadan adalah bagi kepentingan mengurangkan kesan alam sekitar dengan menggalakkan pengunjung membawa barang boleh guna semula mereka sendiri seperti beg membeli-belah. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



SEORANG murid dari Sekolah Rendah Sultan Hassan gembira dengan Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke sekolah berkenaan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Farhanah Awang Sani



Perniagaan lilin wangian, sumber pendapatan tambahan

MENJALANKAN perniagaan secara kecil-kecilan bagi menambah pendapatan bukan lagi suatu hal yang baharu dalam kalangan masyarakat. Untuk membina perniagaan bukanlah satu perkara mudah. Ianya memerlukan usaha, kegigihan dan komited dalam menjalankan perniagaan yang diceburi. Ramai peniaga yang sudah berjaya bermula dari membuat perniagaan secara kecil-kecilan di rumah. Ada sesetengah yang bermula sebagai ejen, stokis atau *dropship* produk yang sedia ada dalam pasaran. Ada juga yang mengusahakan perniagaan mengikut minat dan kemahiran mereka sendiri.

Penulis berpeluang menemui bual seorang belia yang masih baharu menjalankan perniagaan lilin wangian (*scented candle*) iaitu Dayang Farhanah binti Awang Sani berumur 27 tahun. Menurut beliau, menjual lilin wangian ini bermula dari minat beliau dalam mengoleksi lilin wangian dan aroma yang ada pada lilin tersebut. Juga, terinspirasi dari suami beliau yang memperkenalkan kepada dirinya pembuatan lilin wangian Do-It-Yourself (DIY) daripada laman YouTube. Sebelum ini, beliau juga sering membeli lilin wangian untuk simpanan sendiri daripada vendor tempatan dan luar negara. Apabila menyedari akan minat beliau dalam mengumpul lilin wangian, dengan sokongan dari keluarga dan suami, beliau pun mula mencuba untuk membuat lilin wangian hasil tangan sendiri.

Lilin wangian (*scented candle*) yang memiliki aroma segar dan menyenangkan ini bukan sahaja digunakan untuk perhiasan di ruang tamu, ianya juga dapat membantu menghilangkan stres apabila menghidunnya. Lilin wangian biasanya dinyalakan untuk menaikkan bau harum pada ruangan rumah dan dengan adanya lilin wangian ini akan menjadikan rumah menjadi lebih berseri dan wangi. Bagi mereka yang gemar mendekorasi rumah, pastinya lilin wangian menjadi antara benda terpenting yang perlu diletakkan.

Perniagaan yang telah diusahakan oleh Dayang Farhanah dan suaminya ini bermula pada 25 Ogos 2023 secara separuh masa di tempat kediamannya yang terletak di Lumut, Kuala Belait. Menurut beliau, sejauh ini perniagaannya telah pun mencapai sasaran yang diharapkan iaitu menyediakan tempahan secara pukal (*bulk orders*). Malah stok yang sedia ada juga mendapat sambutan hangat daripada pelanggan setia.

Tambah Dayang Farhanah lagi, pada awal mula bermula beliau berhasrat untuk memberi harga yang mampu milik kepada pelanggan di luar sana. Maka dengan itu, beliau menetapkan harga yang lebih rendah berbanding dengan peniaga lilin wangian yang lain. Harga yang ditawarkan mengikut saiz balang iaitu bermula dari BND8 untuk 3oz balang dan BND16 bagi 6oz balang. Manakala, harga bagi tempahan secara

pukal pula berbeza. Untuk tempahan peribadi, biasanya ianya akan mengambil masa dalam tiga (3) hari untuk menyiapkan tempahan tersebut. Sementara tempahan secara pukal, mengambil masa tiga hingga empat bulan awal untuk menyiapkannya.

"Alhamdulillah, perniagaan ini telah menjadi sumber pendapatan tambahan yang boleh saya kongsi bersama keluarga," ujar Dayang Farhanah lagi.

Cabar

Dalam menjalani perniagaan setentunya kita tidak lepas daripada cabaran yang dihadapi. Begitu juga dengan Dayang Farhanah, menurut beliau, perkara yang paling mencabar adalah rasa bimbang apabila menyiapkan pesanan pelanggan sebelum tarikh yang dijanjikan. Lebih-lebih lagi tempahan secara pukal yang memerlukan lebih masa dan tenaga untuk menyiapkannya. Selain itu, kepuasan pelanggan juga salah satu perkara yang menjadi kerisauan beliau. Namun, sejauh ini produk ini mendapat tindak balas yang positif daripada pelanggan.

Harapan

Dengan perniagaan ini, Dayang Farhanah berharap untuk melanjutkannya dengan jangka masa yang panjang dan meluaskannya lagi sehingga mampu untuk

menerima tempahan yang lebih besar lagi pada masa akan datang.

Pesan kepada peniaga lain

Beliau juga mengongsikan pesanan kepada peniaga di luar sana untuk menceburi bidang perniagaan jika hati sudah terdetik untuk melakukannya dan jangan biarkan pendapat dari orang lain mematahkan semangat kita. Kita tidak tahu sejauh mana kemampuan kita sehingga mencuba dan melihat hasilnya sendiri.

"Apa yang penting adalah jangan berputus asa. Pastinya akan ada pasang dan surut dalam bermula. Paksa diri awda untuk meneruskannya dan sentiasa ingat sebab awda ingin memulakan perniagaan ini pada awalnya," tambah beliau lagi.

Untuk tempahan

Selain untuk perhiasan rumah, lilin wangian juga dapat dijadikan sebagai hadiah untuk orang tersayang atau *doorgift* bagi sebuah majlis seperti majlis perkahwinan. Dayang Farhanah juga tidak ketinggalan menggunakan kaedah media sosial sebagai platform untuk mempromosikan lilin wangian beliau. Bagi yang bermingat, tempahan boleh dibuat dengan menghubungi beliau melalui aplikasi WhatsApp +673-7404299 dan Instagram @scentity.bn.



KUANTAN, 16 Mac. - Agensi Pengawal Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah bot nelayan Vietnam bersama enam kru kerana menceroboh perairan negara

APMM PAHANG TAHAN BOT NELAYAN VIETNAM, RAMPAS HASIL LEBIH RM1.7 JUTA

dan mencuri hasil laut di perairan Pulau Tioman membabitkan nilai rampasan termasuk bot kira-kira RM1.7 juta, pada Khamis lepas.

Pengaruhnya Laksamana Pertama Maritim Mazlan Mat Rejab berkata pihaknya mengesan sebuah bot yang bergerak dalam keadaan

mencurigakan ketika pasukan udara menjalankan rondaan penerbangan dan menahan bot itu pada jarak lebih kurang 35 batu nautika di timur laut perairan pulau peranginan itu.

"Hasil penggeledahan mendapati enam kru termasuk tekong berumur dalam lingkungan 19 hingga 37 tahun yang kesemuanya adalah lelaki warganegara Vietnam, berada

di atas bot itu.

"Pemeriksaan lanjut mendapat kesemua kru yang ditahan tidak mempunyai dokumen pengenalan diri selain mengemukakan lesen bot meragukan dan tidak mempunyai kebenaran melakukan aktiviti penangkapan ikan di perairan negara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata kes akan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM6 juta bagi tekong dan RM600 ribu bagi setiap kru sekiranya disabit kesalahan.

Menurutnya bot berserta 250 kilogram hasil tangkapan laut disita untuk tindakan lanjut. - ©BERNAMA

Cuaca panas : Orang ramai dinasihat ambil langkah pencegahan

SEREMBAN, 16 Mac. - Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS) menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah pencegahan ketika cuaca panas terutama pada Ramadan bagi mengurangkan kesan terhadap kesihatan.

Pengaruhnya Datuk Dr Harlina Abdul Rashid berkata orang ramai perlu minum air dengan jumlah yang mencukupi sekurang-kurangnya lebih 2 liter sehari selepas waktu berbuka puasa sehingga waktu sahur secara konsisten sepanjang malam.

"Masyarakat juga perlu mengurangkan aktiviti di bawah cahaya matahari terik dan sentiasa bekerja di kawasan redup atau berbunga serta menggunakan kipas atau penghawa dingin bagi menyedarkan bilik," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata sekiranya perlu melakukan aktiviti di luar rumah, mereka perlu memakai pakaian yang nipis dan longgar, topi atau payung dan sentiasa berpada-pada apabila beriadah atau bersukan dengan tidak terlalu lama berada di bawah panas matahari.

Semalam Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dilapor menjangkakan cuaca kering dan panas dengan suhu melebihi 35°C masih berlaku sepanjang minggu ini dan berdasarkan analisis model cuaca, situasi itu berlaku di kebanyakan tempat di Semenanjung dan Sabah. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 80 rakyat Palestin terbunuh dalam serangan terbaru Israel di Gaza

ISTANBUL, 16 Mac. - Sekurang-kurangnya 80 rakyat Palestin terbunuh dalam serangan semalam Israel ke atas Semenanjung Gaza, lapor Agensi Anadolu.

Laporan media di Gaza menyatakan bahawa Israel terus menyerang pelbagai bahagian di wilayah terkepung itu, termasuk Kem Pelarian Nusairat dan Bandaraya Gaza.

Serangan itu mengakibatkan ramai penduduk cedera dalam serangan yang menyasarkan rumah dan bangunan awam.

Tentera Israel mengebom sebuah rumah di jalan al-Jala menyebabkan ramai penduduk terperangkap di bawah runtuhan.

Serangan itu juga memusnahkan sebuah bangunan tujuh tingkat berhampiran Hospital al-Shifa di Bandaraya Gaza, mengakibatkan kematian berpuluhan penduduk, dengan lebih ramai lagi terperangkap di bawah runtuhan.

Pasukan pertahanan awam Palestin mengeluarkan lima mayat penduduk daripada runtuhan bangunan itu manakala usaha menyelamat lain masih diteruskan.

Sekurang-kurangnya lima rakyat Palestin terbunuh dan beberapa lagi cedera dalam serangan ke atas sebuah rumah di kawasan perumahan Tuffah di Bandaraya Gaza.

Menurut Pejabat Media kerajaan Gaza, ramai penduduk terbunuh apabila tentera Israel mengebom sebuah rumah di kawasan perumahan Nasr.

Tentera rejim juga menyerang sebuah rumah di Kem Pelarian Nusairat, membunuh sekurang-kurangnya 36 rakyat Palestin.

Sejak 7 Okt lepas, sekurang-kurangnya 31,490 rakyat Palestin, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak telah terbunuh di Gaza manakala 73,439 lagi cedera dalam serangan berterusan Israel. - ©BERNAMA

Hubungan dua hala Malaysia

KUALA LUMPUR, 16 Mac. - Hubungan dua hala Malaysia dan Jepun terus diperkuuhkan melalui pelbagai agensi dan kemudahan yang ditaja oleh Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) Jepun untuk meningkatkan ekonomi dan modal insan kedua-dua negara.

ODA Jepun ke Malaysia bermula pada tahun 1956 apabila pelatih teknikal pertama melawat Jepun dari Persekutuan Tanah Melayu. Kerajaan Jepun sejak itu sentiasa bekerjasama dengan kerajaan Malaysia sehingga kini.

Baru-baru ini, media tempatan dibawa melawat dua kemudahan ODA Jepun iaitu loji "Advanced Hybrid Ocean Thermal Energy Conversion" (OTEC) di Port Dickson, Negeri Sembilan dan Pusat Latihan Pengajar dan

Kemahiran Lanjutan (CIAST) di Shah Alam, Selangor.

Loji eksperimen OTEC yang sedang dibangunkan secara bersama oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan sokongan Universiti Saga Jepun, adalah yang pertama seumpamanya di rantau Asia Tenggara.

Pengaruh OTEC UTM, Dr T. Sathiabama berkata loji yang bertujuan mempromosikan penyelidikan antarabangsa dan antaridisiplin untuk pengkomersialan OTEC, adalah projek berterusan yang mengkaji penjanaan kuasa boleh diperbaharui yang stabil melalui pertukaran haba antara air laut dalam dan di permukaan.

Pada masa sama, projek itu juga bertujuan untuk menghasilkan

dua juta liter air minuman setiap hari bagi setiap megawatt (MW) tenaga elektrik yang dihasilkan, dengan kos lebih rendah. "Air laut dalam juga boleh digunakan untuk kegunaan pelbagai guna seperti penyeluk udara untuk pusat data, akuakultur, pertanian, kosmetik dan banyak lagi," katanya.

Projek penyelidikan itu terletak di bawah Perkongsian Penyelidikan Sains dan Teknologi untuk Pembangunan Mampan (SATREPS), sebuah program di bawah Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) dan Agensi Sains dan Teknologi Jepun (JST) untuk projek penyelidikan yang menyasarkan isu global. Sathiabama berkata loji OTEC dijangka dilancarkan pada pertengahan tahun ini.

Sementara itu, CIAST sebuah agensi latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bertindak sebagai institusi utama dalam pembangunan dan peningkatan latihan kemahiran di Malaysia.

Penubuhan CIAST disokong melalui Kerjasama Teknikal Malaysia-Jepun di bawah Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN pada Ogos 1983 dan dirasmikan oleh Menteri Buruh ketika itu, Datuk Mak Hon Kam pada 30 Ogos 1985.

Pengaruh CIAST, Mohd Manoj Jumidali berkata selain kampus utama CIAST di Shah Alam, 14 Kampus Satelit CIAST (CSC) telah ditubuhkan di seluruh negara sejak tahun 2018 dengan kapasiti melati sehingga 1,050 pelatih setiap

tahun.

"Kami berharap untuk terus bekerjasama dengan Kerajaan Jepun dalam usaha meningkatkan kualiti sumber manusia dan berjaya melahirkan tenaga pengajar Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bertaraf dunia," katanya.

Kursus dalam perkhidmatan yang ditawarkan di CIAST adalah kursus modular dan disesuaikan mengenai latihan kemahiran, termasuk teknologi komputer (rangkaian dan sistem), elektronik dan mekatronik, serta latihan pengajar, termasuk latihan pedagogi dan metodologi pengajaran. Antara tahun 1984 hingga 2023, CIAST telah menerima 277,947 penyertaan untuk program sepenuh masa dan separuh masa. - ©BERNAMA

Pelihara kaedah pembuatan bedak sejuk secara tradisional sejak 1957

BALIK PULAU, 16 Mac. - Suatu ketika dahulu, bedak sejuk merupakan produk penjagaan kulit tradisional yang sangat popular dalam kalangan wanita khususnya di negara ini untuk mendapatkan kulit halus, gebu dan bebas jerawat.

Bedak sejuk yang diperbuat daripada satu bahan asas sahaja iaitu beras yang direndam untuk jangka masa lama, mampu memberikan pelbagai kesan positif selain bebas bahan kimia sekali gus menjadikan ia masih kekal relevan sehingga ke hari ini.

Biarpun terdapat saingen daripada lambakan rangkaian produk kecantikan moden di pasaran, namun Yeoh Seong Huat, 47, tekn meneruskan legasi 'Perniagaan Bedak Sejuk Lean Seng' yang diusahakan oleh mendiang bapanya Yeoh Keng Beng sejak 1975.

Mengekalkan kaedah pembuatan secara tradisional menggunakan tangan, Yeoh yang berasal dari Kampung Jalan Baru di sini menghasilkan bedak sejuk secara berseorangan di rumah dan hanya dibantu oleh abang dan adiknya sekiranya mereka mempunyai masa terluang.

"Sekarang ramai peniaga bedak sejuk di pasaran tetapi kebanyakannya mereka telah beralih menggunakan mesin kerana lebih cepat dan menjimatkan masa. Mungkin saya

seorang saja yang masih gigih gunakan tangan.

"Saya tidak mahu mengubah apa yang ditinggalkan oleh mendiang bapa dan mahu ia kekal begitu kerana bagi saya, ia suatu kepuasan apabila kita dapat memberikan yang terbaik kepada pelanggan walaupun proses pembuatannya rumit serta memerlukan," katanya ketika ditemui Bernama.

Bercerita mengenai proses membuat bedak sejuk, Yeoh menerangkan beras itu perlu dicuci terlebih dahulu sebanyak lima hingga enam kali sebelum diletakkan di dalam bekas bertutup dan rendam dengan air selama lebih kurang sebulan.

Katanya, tempoh masa lama juga diperlukan supaya beras tersebut hancur melalui proses penapaian memandangkan ia penting dalam menjamin kualiti bedak sejuk yang bakal terhasil nanti.

Selepas sebulan direndam, beliau berkata beras itu akan dicuci semula beberapa kali untuk mengurangkan bau sulfur dari proses penapaian sebelum dikisar menjadi likat seperti pes sebelum ditapis dan dijemur sehingga kering.

Ia kemudian dicampur sekali lagi dengan air dan dituang ke dalam acuan serta ditekan menggunakan tangan hingga terhasilnya bentuk kecil bedak sejuk seakan rupa titisan air.

"Dulu ramai orang tua-tua di kampung yang buat sendiri (bedak sejuk) tapi semuanya sudah meninggal dan anak-anak pula tak mahu sambung sebab renyah dan tak tahan bau (busuk dari beras yang ditapis)," katanya. - ©BERNAMA

penting dalam membolehkan bantuan kemanusiaan tiba," kata Ketua Unit Kemanusiaan Sida, Jakob Wernermer selepas keputusan dibuat untuk menyambung semula pembiayaan berkenaan.

Minggu lepas, Kerajaan Sweden mengumumkan bahawa ia akan meneruskan pemberian bantuan kepada UNRWA. Bantuan Sida bagaimanapun berbeza dengan bantuan kerajaan dan dikhushuskan untuk usaha kemanusiaan. - ©BERNAMA

Organisasi bantuan kerajaan Sweden salur hampir US\$3 juta kepada UNRWA

IZMIR (Turkiye), 16 Mac. - Sweden telah memutuskan untuk menyumbang hampir US\$3 juta dalam pembiayaan kepada Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu selepas UNRWA mengambil langkah-langkah yang antara lain meningkatkan ketelusan dan mengukuhkan semakan kaktangannya.

"Krisis kemanusiaan di Gaza adalah dahsyat dan ekstrem. Lebih dua juta penduduk memerlukan sokongan segera untuk terus hidup. UNRWA mempunyai peranan

penting dalam membolehkan bantuan kemanusiaan tiba," kata Ketua Unit Kemanusiaan Sida, Jakob Wernermer selepas keputusan dibuat untuk menyambung semula pembiayaan berkenaan.

Minggu lepas, Kerajaan Sweden mengumumkan bahawa ia akan meneruskan pemberian bantuan kepada UNRWA. Bantuan Sida bagaimanapun berbeza dengan bantuan kerajaan dan dikhushuskan untuk usaha kemanusiaan. - ©BERNAMA

SINGAPURA : ORANG RAMAI NIKMATI HARI AHAD BEBAS KERETA YANG KEMBALI SEMULA HARI INI

SINGAPURA, 17 Mac. - Ramai orang turun ke jalan raya hari ini berikutan beberapa jalan di sepanjang Daerah Sivik Singapura dan Daerah Pusat Perniagaan (CBD) ditutup kepada lalu lintas untuk Hari Ahad Bebas Kereta, yang kembali dilaksanakan selepas empat tahun dihentikan.

Orang ramai mengambil peluang ini untuk memenuhi jalan di kawasan yang ditetapkan termasuk Jalan St. Andrew dan Esplanade Drive dengan pelbagai kaedah - berjalan kaki, berbasikal, 'kick-scooter', 'roller-blade' dan banyak lagi - sebaik sahaja acara itu

bermula pada 8 pagi Ahad.

Arkitek, Sze Chong, 64, berkata beliau berbasikal lebih daripada 12 kilometer (km) dari rumahnya di Pasir Panjang untuk menyertai acara hari ini dan menikmati kebebasan di jalan raya tanpa kehadiran kenderaan yang lebih besar.

"Saya biasa menyertai (Hari Ahad Bebas Kereta) pada 2019 sebelum mereka menghentikannya kerana pandemik, jadi sekarang mereka memulakannya kembali. Bagus untuk membuka kawasan bandar raya ini bagi keluarga dan semua golongan dan juga terdapat banyak

program

"Saya harap acara ini boleh menjadi lebih besar. Sekarang ia hanya kira-kira 4.5 km untuk satu pusingan," katanya kepada Bernama sambil berharap Hari Ahad Bebas Kereta akan diadakan lebih kerap pada masa akan datang.

Sementara itu, Amy, 50 yang datang bersama suami dan anak perempuannya berumur 11 tahun untuk meluangkan masa bersama keluarga berkata beliau berharap acara ini dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap bulan.

Itu adalah satu idea yang bagus kerana kami jarang berpeluang



kaki, berbasikal dan menggunakan pengangkutan awam sebagai kaedah perjalanan yang mampan.

Ia juga menggalakkan pejalan kaki dan pengguna peralatan bergerak aktif untuk menggunakan etika berkongsi ruang dengan selamat dan harmoni.

Pelbagai permainan dan aktiviti juga berlangsung semasa acara itu seperti 'korfball' dan senaman 'piloxing' secara beramai-ramai.

- ©BERNAMA

SPRM tahan 11 individu, sita lapan kenderaan mewah milik sindiket penyeludupan

KUALA LUMPUR, 17 Mac. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 11 individu disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan tembakau, arak dan rokok serta menyita lapan kenderaan mewah dianggarkan bernilai hampir RM6 juta didakwa milik mereka.

Menurut sumber, kesemua individu berkenaan berusia lingkungan 30 hingga 50 tahun terdiri daripada penjawat awam, individu perantara dan tiga pemilik syarikat dengan dua daripadanya bergelar 'Datuk', yang ditahan dalam operasi khas di sekitar Lembah Klang sejak Isnin lepas.

Kenderaan mewah yang disita itu ialah dua Lamborghini, masing-masing satu Lexus, Mercedes-Benz, BMW, Volvo serta dua Toyota.

Sumber itu memaklumkan operasi terbabit dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Kenderaan-kenderaan itu disita daripada beberapa individu yang berjawatan sebagai pemilik syarikat serta orang tengah yang membuat bayaran wang sogokan kepada pegawai-pegawai di sebuah agensi penguat kuasa.

"Sindiket itu juga dikesan terbabit aktiviti pengubahan wang haram dengan 'mencuci duit' menggunakan akaun perniagaan 'syarikat hantu' iaitu melalui pengurup wang dan syarikat pinjaman wang berlesen," katanya.

Sumber itu berkata kegiatan penyeludupan sindiket terbabit

dipercayai telah menyebabkan ketirisan hasil cukai yang dianggarkan lebih daripada RM400 juta serta melibatkan wang rasuah lebih RM8 juta kepada beberapa individu termasuk penjawat awam bagi melancarkan kegiatan penyeludupan.

"Sindiket ini dipercayai telah menggunakan modus operandi dengan menggunakan akaun keldai bagi melakukan transaksi pembayaran wang rasuah kepada penjawat awam yang bersekongkol dengan mereka," katanya.

Sementara itu, Pengarah AML SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan memaklumkan kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009. - ©BERNAMA

Tentera Laut India selamatkan 17 kru kapal kargo, tahan 35 lanun

NEW DELHI, 17 Mac. - Tentera Laut India berjaya menyelamatkan 17 kru kapal kargo pukal MV Ruen dan menahan kesemua 35 lanun yang merampas kapal itu.

Kapal pembinaan INS Kolkata memintas kapal kargo itu di perairan antarabangsa 2,600 kilometer dari pantai India pada Jumaat.

INS Kolkata dibantu pesawat peronda tentera laut P81,

sebuah pesawat kawalan jauh yang boleh terbang dalam jarak jauh pada altitud tinggi dan kapal peronda INS Subhadra semasa operasi itu.

Anggota komando marin turut diturunkan dari udara menggunakan pesawat pengangkut C-17.

Tentera laut berkata menerusi usaha bersama, ia "mengasak" dan "memaksa" kesemua lanun

menyerah diri dan membawa keluar kru yang tidak diapa-apakan.

Kapal dagang yang berdaftar di Malta itu dirampas lanun pada 14 Dis lepas berhampiran Pulau Socotra, Yaman.

Tentera Laut India mengambil pendirian tegas bagi menyokong sektor perkapalan di tengah-tengah ketegangan serantau. - ©BERNAMA

Bayi maut dikelar ibu di Pasir Gudang

JOHOR BAHRU, 17 Mac. - Seorang bayi lelaki berusia setahun enam bulan maut dipercayai dikelar ibunya di sebuah kawasan perumahan di Pasir Gudang di sini semalam.

Ketua Polis Johor CP M.Kumar berkata kejadian berlaku pada 1.30 tengah hari dan siasatan awal mendapati wanita berusia 32 tahun itu turut menghantar gambar anaknya yang berlumuran darah kepada suaminya menerusi WhatsApp.

"Sebilah pisau yang dipercayai digunakan untuk mengelar mangsa turut dirampas di lokasi kejadian,"

katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata mayat mangsa dibawa ke Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk bedah siasat dan motif kejadian masih dalam siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Orang ramai diharapkan tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan kes," katanya dan menambah permohonan reman mengikut Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah akan dilakukan hari ini.

Sementara itu dalam kes berlainan, beliau berkata pihaknya menahan lima lelaki berusia 35

hingga 48 tahun bagi membantu siasatan penemuan mayat seorang lelaki berusia 61 tahun.

Kesemua mereka katanya mempunyai rekod lampau membabitkan kesalahan jenayah dan dadah.

Beliau berkata mayat mangsa ditemukan pada 10.50 pagi di Taman Rinting, Masai dengan beberapa kesan luka tetakan pada tubuh.

Mayat dibawa ke HSI untuk bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, katanya. - ©BERNAMA

untuk berjalan di atas jalan ini, hari ini kami dapat berbasikal, meluncur dan terdapat banyak reruai untuk bersuka ria dan aktiviti untuk disertai keluarga.

Program anjuran Pihak Berkusa Pengangkutan Darat Singapura (LTA) menggalakkan pengurangan penggunaan kereta di negara ini dan mewujudkan kesedaran awam terhadap manfaat berjalan

UMT hasilkan sate 'Vegan' penuhi permintaan pasaran

KUALA NERUS, 17 Mac. - Permintaan tinggi terhadap produk makanan berasaskan tumbuh-tumbuhan mendorong sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menghasilkan sate dari tumbuhan.

Ketua penyelidik, Dr. Suaidah Mohd Isa berkata beliau bersama empat rakannya dari Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) UMT, mengambil masa lebih dua tahun untuk menghasilkan produk sate Vegan yang diperbuat daripada umbut dan jantung pisang, namun mempunyai tekstur seperti ayam atau daging.

Beliau berkata sate yang dihasilkan itu mempunyai pelbagai kelebihan, termasuk rendah kandungan lemak kolesterol serta kaya dengan serat, kerana diperbuat daripada sumber tumbuhan.

"Produk yang diberi nama Vegan Satay ini diinovasi bagi memenuhi keperluan pasaran golongan 'vegetarian' dan masyarakat yang mengutamakan amalan pemakanan sihat."

"Walaupun produk ini dihasilkan daripada umbut dan jantung pisang, rasa dan teksturnya masih sama seperti sate daging, kerana ia dihasilkan menggunakan teknologi khas," katanya ketika dihubungi hari ini.

Suaidah berkata produk tersebut dihasilkan dalam bentuk sejuk beku, bagi memenuhi corak atau gaya hidup masyarakat hari ini yang sentiasa sibuk dan masa yang terhad.

Justeru beliau merancang untuk membentuk kolaborasi dengan rakan industri bagi mengkomersialkan sate itu pada masa akan datang.

"Selain memenuhi permintaan semasa dalam proses penghasilan produk makanan yang mampan, penghasilan Vegan Satay juga mampu meningkatkan penggunaan sumber pertanian tempatan."

"La sekali gus dapat membantu petani menjana pendapatan tambahan, seterusnya memperbaiki taraf sosioekonomi hidup mereka yang semakin terhimpit, disebabkan kos sara hidup yang semakin mahal," katanya. - ©BERNAMA

Resolusi perangi Islamofobia di PBB diterima selepas dapat sokongan majoriti

NEW DELHI, 17 Mac. - Resolusi yang dibawa Pakistan bagi memerangi Islamofobia diterima Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selepas mendapat sokongan majoriti.

Resolusi itu diterima pada Hari Antarabangsa bagi Memerangi Islamofobia pada Jumaat dengan 115 undi menyokong dan tiada undi menentang.

Perhimpunan Agung itu mengutuk perbuatan mengapi-apikan diskriminasi, kebencian atau keganasan terhadap umat Islam seperti yang ditunjukkan dalam insiden pembakaran kitab suci al-Quran, menyerang masjid, premis berkaitan Islam dan tindakan lain yang tidak bertoleransi terhadap agama.

"Penerimaan resolusi itu tepat pada masanya di tengah-tengah peningkatan Islamofobia, kata Kementerian Luar Pakistan pada Sabtu.

Resolusi itu dibentangkan dalam Perhimpunan 193 ahli itu oleh Pakistan bagi pihak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Terdapat 44 undi berkecuali pada perhimpunan itu antaranya dari Great Britain, India, Korea Selatan dan Kesatuan Eropah.

Perhimpunan itu juga menggesa pelantikan Perutusan Khas PBB bagi Memerangi Islamofobia.

Pada Jumaat di Geneva, Nassima Baghli, pemerhati tetap OIC berkata "Islamofobia sedang meningkat berikutan serangan Israel ke atas Gaza."

Malaysia pula menggesa langkah kukuh diambil bagi menangani Islamofobia sambil mengalu-alukan pelantikan Perutusan Khas PBB bagi tujuan itu.

"Malaysia menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengenal pasti langkah-langkah kukuh dalam membanteras keadaan dan perlakuan semasa yang memupuk perbuatan-perbuatan keji ini," kata Kementerian Luar dalam kenyataan pada Jumaat. - ©BERNAMA



HARIMAU MALAYA BERLEPAS KE OMAN TANPA MATTHEW DAVIES

SEPANG, 17 Mac. - Skuad Harimau Malaya menerima tamparan menjelang aksi getir Kumpulan D pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027 menentang Oman di Muscat minggu depan, selepas ketua pasukan Matthew Davies terpaksa disisihkan akibat kecederaan.

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) mengesahkan selain Matthew yang mesra disapa Matt, Junior Eldstal juga tidak menyertai skuad bimbingan Kim Pan Gon ke Muscat, akibat kecederaan.

Keputusan itu dibuat selepas Johor Darul Ta'zim (JDT) menerusi surat rasmi kepada FAM memaklumkan bahawa kedua-dua pemain pertahanan itu, telah mengalami kecederaan semasa perlawanan latihan pada Khamis lepas.

"Justeru JDT memohon pengecualian buat kedua-dua pemain berkenaan untuk melapor diri bersama skuad kebangsaan

dan akan menjalani rawatan pemuliharaan selanjutnya bersama kelab. Laporan kecederaan dilampirkan dalam surat tersebut," kata Pan Gon dalam kenyataan hari ini.

Dengan ketiadaan Matt yang mengetuai pasukan sewaktu Piala Asia 2023 di Qatar, Januari lepas dan Junior, Pan Gon membawa seramai 24 pemain bagi menggalas cabaran Malaysia menentang Oman di Kompleks Sukan Sultan Qaboos pada 22 Mac ini (2 pagi waktu Malaysia).

Skuad Harimau Malaya berlepas ke Muscat dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 di sini, pagi ini.

Sementara itu pemain pertahanan kiri Daniel Ting berkata ketiadaan Matt itu merupakan satu kehilangan besar untuk pasukan dalam berhadapan perlawanan yang penting namun percaya kekosongan itu, memberikan peluang kepada pemain

lain untuk menunjukkan kebolehan mereka.

"Tentunya satu kehilangan besar, Matt ialah kapten pasukan dan tentunya anda mahu kapten berada bersama, namun kita mempunyai banyak pilihan dalam skuad dan ia satu peluang untuk sesiapa yang jurulatih letak pada kedudukan itu, mungkin saya akan isi peluang itu," kata pemain Sabah FC berusia 32 tahun itu.

Daniel berkata beliau pernah bermain di sebelah kanan sebelum ini dan bersedia untuk menyahut cabaran bermain di bahagian itu semula, menentang Oman.

"Jika itu yang jurulatih mahu saya lakukan, tiada masalah. Saya pernah bermain posisi itu sebelum ini... saya rasakan ia bukan posisi biasa saya, tetapi saya bersedia untuk lakukan apa sahaja yang diperlukan," katanya.

Selepas menentang Oman di Muscat, Malaysia yang berada di ranking dunia ke-132 sekali lagi akan bertemu pasukan

nomor 80 dunia itu, di Stadium Nasional di Bukit Jalil 26 Mac ini.

Kemudian, pasukan negara akan bertemu Kyrgyzstan di Bishkek pada 6 Jun dan menamatkan saingan kumpulan D menentang Taiwan di Bukit Jalil pada 11 Jun.

Malaysia kini menerajui saingan Kumpulan D dengan mengumpul enam mata, diikuti Oman kedua yang berkongsi tiga mata bersama Kyrgyzstan di tempat ketiga, manakala Taiwan tercorot tanpa sebarang mata.

Dua pasukan teratas setiap kumpulan layak ke pusingan ketiga Kelayakan Piala Dunia 2026 dan mengesahkan tempat ke saingan Piala Asia 2027, sementara dua pasukan terbahawak akan beraksi dalam pusingan ketiga Kelayakan Piala Asia 2027.

Malaysia menyasarkan untuk layak ke pusingan ketiga Kelayakan Piala Dunia buat julung kali. - ©BERNAMA

Harith Haiqal berpeluang raih debut antarabangsa di Oman

SEPANG, 17 Mac. - Impian menjadi kenyataan buat pemain pertahanan muda Selangor FC, Harith Haiqal Adam Afkar, selepas disenaraikan dalam skuad Harimau Malaya bagi menghadapi Oman pada aksi Kumpulan D pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027 di Muscat, minggu depan.

Ia menyaksikan pemain berusia 22 tahun itu, berpeluang meraih debut antarabangsa di peringkat senior, jika beliau diturunkan Ketua Jurulatih Kim Pan Gon pada pertembungan yang dijadual berlangsung di Kompleks Sukan

Sultan Qaboos pada 22 Mac ini (2 pagi waktu Malaysia).

Kehadiran tonggak benteng pertahanan skuad Bahaw 23 Tahun (B-23) kebangsaan itu dalam skuad kali ini, berkemungkinan dipengaruhi dengan ketiadaan Junior Eldstal yang merupakan antara dua pemain selain ketua pasukan Matthew Davies, yang terpaksa digugurkan saat akhir akibat kecederaan.

Namun, produk Akademi Bolasepak Mokhtar Dahari (AMD) itu yang tidak menyangka disenaraikan Pan Gon, berasa pemilihannya itu bukan hanya

bersandarkan nasib.

"Saya rasa di mana-mana kita sebagai manusia perlukan faktor nasib, tetapi bukan sekadar nasib saya rasa ia (pemilihan) juga disebabkan rezeki. Saya sudah berusaha dan bermain untuk Selangor selama lima tahun dan ini kali pertama saya berada dalam senarai akhir. Saya sangat bersyukur dan bangga."

"Mungkin kalau Junior datang saya tiada (dalam pasukan) dan mungkin jika Junior ada saya pun ada sekali, saya tak tahu, tapi fokus saya ketika ini tertumpu untuk perlawanan dengan

Oman," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 di sini, hari ini.

Skuad Harimau Malaya yang diperkuat seramai 24 pemain berlepas ke Muscat awal pagi tadi.

Sementara itu, Harith Haiqal percaya pengalaman bersama pasukan senior akan membantunya dan beberapa pemain skuad B-23 lain yang turut disenaraikan ke Muscat, bagi menghadapi saingan Piala Asia B-23 2024 di Doha, Qatar bermula April depan.

"Saya akan beri yang terbaik..."

tak kisah sama ada bersama skuad B-23 ataupun pasukan kebangsaan, saya akan sentiasa beri apa yang saya ada," kata pemain berasal dari Klang itu sambil menyatakan barisan pemain senior banyak membantu pemain muda untuk menyesuaikan diri bersama pasukan.

Selepas menentang Oman di Muscat, Malaysia yang berada di ranking dunia ke-132 sekali lagi akan bertemu pasukan nomor 80 dunia itu, di Stadium Nasional di Bukit Jalil 26 Mac ini.

Kemudian, pasukan negara akan bertemu Kyrgyzstan di Bishkek pada 6 Jun dan menamatkan saingan kumpulan D menentang Taiwan di Bukit Jalil pada 11 Jun.

Malaysia kini menerajui saingan Kumpulan D dengan mengumpul enam mata, diikuti Oman kedua yang berkongsi tiga mata bersama Kyrgyzstan di tempat ketiga, manakala Taiwan tercorot tanpa sebarang mata. - ©BERNAMA

All England : Aaron-Wooi Yik hanya selangkah tamatkan kemarau 17 tahun

KUALA LUMPUR, 17 Mac. - Aaron Chia-Soh Wooi Yik hanya selangkah lagi untuk menamatkan penantian 17 tahun kejuaraan bagi kategori beregu lelaki di Kejohanan Badminton All England 2024 selepas mengesahkan slot ke final, awal pagi waktu Malaysia hari ini.

Juara Dunia 2022 itu bijak menggunakan peluang terhadap kesilapan Lee Jhe

Huei-Yang Po Hsuan dari Taiwan untuk menundukkan mereka menerusi permainan straight set 21-16 dan 21-15 dalam tempoh 36 minit pada separuh akhir kejohanan badminton tertua di dunia itu yang berlangsung di Utilita Arena Birmingham.

Kemenangan itu menyaksikan pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik Tokyo 2020

mengelakkan rekod tanpa kalah 4-0 ke atas Jhe Huei-Po Hsuan yang juga ranking ke-15 dunia selain mengulangi pencapaian mara ke final edisi 2019 sebelum tewas kepada Mohammad Ahsan-Hendra Setiawan 21-11, 14-21 dan 12-21.

Menanti Aaron-Wooi Yik di pentas akhir ialah pilihan keenam kejohanan Takuro Hoki-Yugo Kobayashi dari Jepun atau juara

All England 2023 Fajar Alfian-Muhammad Rian Ardianto dari Indonesia.

Kali terakhir beregu lelaki Malaysia meraih kejuaraan All England ialah pada edisi 2007 menerusi Koo Kien Keat-Tan Boon Heong yang menumbangkan Cai Yun-Fu Haifeng dari China 21-15 dan 21-18.

Kejayaan Kien Keat-Boon Heong ketika itu hanya diperoleh selepas 25 tahun ia dirangkul oleh gandingan Razif Sidek-Jailani Sidek pada 1982. - ©BERNAMA